



INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN TRENDS IN SOCIAL SCIENCES (IJMTSS)

www.ijmtss.com



FAKTOR YANG MEMPENGARUHI DASAR PERTAHANAN MALAYSIA ERA TUN MAHATHIR MOHAMAD 1981-2003

*FACTORS AFFECTING MALAYSIAN DEFENSE POLICY IN THE ERA OF TUN
MAHATHIR MOHAMAD 1981-2003*

Rodziah Md Zain^{1*}, Mohammad Faisol Keling², Marzura Ibrahim³

¹ School of International Studies (SOIS), Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: rodzyah@uum.edu.my

² School of International Studies (SOIS), Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: m.faisol@uum.edu.my

³ School of MultimediaTecnology and Communication (SMMTC), Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: marzura@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 12.07.2023

Revised date: 31.07.2023

Accepted date: 20.08.2023

Published date: 19.09.2023

To cite this document:

Md Zain, R., Keling, M. F., & Ibrahim, M. (2023). Faktor Yang Mempengaruhi Dasar Pertahanan Malaysia Era Tun Mahathir Mohamad 1981-2003. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 6 (24), 01-29.

DOI: 10.35631/IJMTSS.624001

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Semenjak dari tahun 1957, Malaysia telah membangunkan Dasar Pertahanan Negara (DPN) agar keselamatan dan kedaulatan negara terjamin. DPN mencerminkan hasrat Malaysia agar dapat mempertahankan kepentingan-kepentingan strategiknya dan memelihara keselamatan negara. Ketika era Mahathir, dasar pertahanannya cenderung kepada bentuk *self-reliance* (berdikari) dan berubah coraknya iaitu menaik, dimana sebelum pentadbirannya iaanya berbentuk *dependency* (bergantungan) dan *neutrality* serta bercorak mendatar. Di gelanggang antarabangsa, suara Tun begitu bergema bagi menyuarakan aspirasi Negara Dunia Ketiga dan komitmen yang ditunjukkan melebihi pemimpin yang lain. *Self-reliance* di bawah pentadbiran Tun Mahathir menjadikan aspek dasar pertahanan Malaysia bertambah moden sehingga Tun Mahathir menjadi rujukan dan perhatian diseluruh dunia terutamanya Negara Dunia Ketiga. Tiga faktor utama yang mempengaruhi dasar pertahanan Malaysia Ketika era Tun Mahathir Mohamad 1981-2003 yang akan dibincangkan, iaitu faktor dalaman (*internal factor*), faktor luaran (*external factor*) dan faktor idiosinkrasi Tun Mahathir Mohamad yang menjadikan aspek keselamatan dan dasar pertahanan Malaysia bertambah moden dan ‘gah’ dipersada antarabangsa.

Kata Kunci:

Pertahanan, *Self-Reliance* (Berdikari), Faktor Dalaman (*Internal Factor*), Faktor Luaran (*External Factor*) dan Idiosinkrasi

Abstract:

Since 1957, Malaysia has developed a National Defense Policy (NDP) to ensure national security and sovereignty. The DPN reflects Malaysia's desire to be able to defend its strategic interests and maintain national security. During Mahathir's era, the defense policy was inclined towards self-reliance and changed its pattern i.e. upward, where before his administration it was in the form of dependency and neutrality and had a horizontal pattern. In the international arena, Tun's voice resonated to voice the aspirations of Third World countries and the commitment shown above other leaders. Self-reliance under Tun Mahathir's administration made aspects of Malaysia's defense policy more modern so that Tun Mahathir became a reference and attention throughout the world, especially Third World Countries. The three main factors that influenced Malaysia's defense policy during the era of Tun Mahathir Mohamad 1981-2003 that will be discussed, namely internal factors (internal factors), external factors (external factors) and Tun Mahathir Mohamad's idiosyncratic factors which made the aspects of Malaysia's security and defense policy more modern and 'gah' on the international stage.

Keywords:

Defense, Self-Reliance, Internal Factors, External Factors and Idiosyncrasies

Pengenalan

Apabila Tun Dr. Mahathir mengambil alih pucuk pimpinan negara dari Tun Hussein Onn pada tahun 1981, perubahan yang dilihat ialah perubahan yang radikal dan ketara. Boleh dikatakan satu transformasi dan perubahan besar telah berlaku kepada dasar Malaysia. Peranan Malaysia terhadap isu-isu hubungan antarabangsa menjadi lebih terbuka. Beliau mengambil sikap di peringkat global yang berteraskan apa yang difikirkan terbaik untuk kepentingan Malaysia dan keadilan antarabangsa. Malaysia menjadi lebih aktif di arena antarabangsa dan lebih terkenal dan dihormati kerana ketegasan dan kelantangannya memperjuangkan kepentingan negara-negara kecil dan membangun. Justeru, suara Malaysia terdengar dalam kritikan terhadap sistem multilateral. Banyak perkara dan tajuk disuarakan Malaysia kerana tidak berpuas hati dengan oder dunia yang dianggapnya pincang serta berat sebelah kepada negara maju di barat. Persoalan keadilan antarabangsa, politik, kewangan, ekonomi, serta peranan Bangsa-Bangsa Bersatu ditegur dan dikritik berulang kali demi mencari oder dunia yang lebih adil dan saksama.

Walaupun aspek ekonomi diberi tumpuan utama dasar luar era Tun Mahathir, namun beliau tidak pernah mengabaikan aspek pertahanan dan ini terbukti apabila peruntukan dana pertahanan yang besar dalam rancangan Malaysia Ke Empat¹. Keutamaan Tun Mahathir dalam dasar pertahanan ialah beliau berusaha memelihara keselamatan dan mengekalkan kestabilan baik diperingkat dalaman, serantau (*regional*) dan global. Sikap berbaik-baik dan tidak mencampuri urusan dalaman negara lain haruslah dipatuhi dan diikuti oleh semua negara kecil

¹ Harun Derauh dan Syafie Nor, Mahathir Cita-cita dan Pencapaian. Hlm.4
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

dan besar² Ini selaras dengan hak-hak negara iaitu tidak boleh dicampuri oleh negara lain. Pembangunan Dasar Pertahanan Negara (DPN) adalah sangat penting agar dapat mempertahankan dan melindungi kepentingan-kepentingan Malaysia. DPN Malaysia menggariskan tiga asas utama, iaitu kepentingan strategik negara, prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Dalam konteks pertahanan negara, kerajaan telah menetapkan bahawa objektif utama DPN adalah untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan Malaysia berteraskan kepada kedaulatan negara, keutuhan wilayah serta kesejahteraan ekonomi³.

Malaysia menitikberatkan aspek pertahanan yang merupakan pemangkin dalam menuju kearah pembangunan negara maju. Justeru, Malaysia perlu mempunyai sistem pertahanan yang mapan dan kukuh supaya dapat menghadapi ancaman dalaman dan ancaman luaran. Kementerian Pertahanan Malaysia meliputi dua perkhidmatan utama, Perkhidmatan Awam diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (KSU) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), diketuai oleh Panglima Angkatan Tentera (PAT).⁴ Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah benteng pertahanan negara. ATM bertanggungjawab untuk memastikan Malaysia menghadapi segala ancaman dalaman dan luaran sama ada daripada daratan, lautan dan udara. ATM mempunyai tiga cabang utama iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Malaysia (TLDM), dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Selaras dengan era globalisasi dan era dunia tanpa sempadan, maka negara kita telah berusaha untuk melengkapkan kekuatan pertahanan negara dengan alat serta teknologi persenjataan yang canggih. Pembelian kelengkapan pertahanan terutamanya sistem persenjataan berteknologi tinggi amat penting bagi memastikan keselamatan negara tidak tergugat. Tun Mahathir (1991) menyatakan bahawa ATM berperanan penting dan pemodenannya amat penting dengan sejumlah peruntukan besar dalam Rancangan Malaysia Keenam iaitu:

"Menyedari hakikat bahawa tentera mempunyai peranan yang penting dalam Dasar Pertahanan dan Dasar Luar Negara, usaha-usaha sedang dibuat untuk memodenkan ATM daripada segi struktur organisasinya dan juga peralatan serta sistem persenjataannya. Untuk ini Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM8,411 juta atau 14.4 peratus daripada Belanjawan negara dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk pertahanan negara. Pembelian pesawat-pesawat pejuang, kapal-kapal laut dan persenjataan lain yang canggih adalah semata-mata untuk meningkatkan keupayaan konvensional ATM dalam mempertahankan kepentingan negara. Peralatan-peralatan yang usang perlu diganti dengan yang baru. Pembelian itu bukanlah kerana hendak bersaing dengan mana-mana negara. Ia hanya sekadar mengikuti kecanggihan sistem-sistem pertahanan. Di samping itu, peranan ATM juga telah bertambah meliputi Kawasan Perairan Zon Ekslusif Ekonomi yang kaya dengan sumber-sumber asli seperti minyak dan gas".

² Temubual Bersama Tun Dr Mahathir di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 3 Mac 2017.

³ Mohd Najib Tun Abdul Razak (1993). *Malaysia's Strategic Perceptions, Challenges of the Post Cold Era*. Kuala Lumpur: Malaysian International Affairs Forum.

hlm 12-16

⁴ Chin Kin Wah, *The Defence of Malaysia and Singapore*. Cambridge University Press, Cambridge, 1983, hIm. 3

Ulasan Karya

Sejak menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai 1981 dan sekaligus sebagai Menteri Pertahanan hingga tempoh 22 tahun sebagai Perdana Menteri, pemikiran beliau merupakan landasan negara.⁵ Faridah Jaafar melalui bukunya *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005* menjelaskan dalam aspek pertahanan, Tun cenderung berusaha memelihara keselamatan dan mengekalkan kestabilan baik di peringkat tempatan, regional mahupun global.⁶

Kesungguhan Dr. Mahathir dan Kerajaan Malaysia memperkuatkannya pertahanan negara dapat dilihat dengan pembelian pesawat tempur dengan 18 buah pesawat MiG29 dan 8 buah pesawat F/A18d Hornet. Ia adalah selaras dengan strategi TUDM untuk men lengkapkan diri berupaya untuk melancarkan serangan memusnahkan kekuatan udara musuh, menyerang kawasan penting musuh dan menghalang pesawat musuh menceroboh ke ruang udara Malaysia. Kesungguhan kerajaan dan ATM dalam memperkuatkannya pertahanan udara negara semakin jelas dengan pembelian 18 buah pesawat Shukhoi Su 30 MKM Flanker dari Rusia yang bernilai 900 juta. Pembelian aset strategik TUDM ini adalah selaras dengan perkembangan pemilikan dan pengaruh kuasa pesawat *Multi Role Combat Aircraft* (MRCA) lanjutan daripada pemilikan MiG 29 dan F/A 18 Hornet.

Penulis Chandra Jeshurun melalui penulisannya pada tahun 1980⁷ menyatakan bahawa dasar pertahanan Malaysia mempunyai empat fasa iaitu Fasa (1963-1968) yang mana semenjak mencapai kemerdekaan Dasar Pertahanan Malaysia (DPN) telah mengamalkan dasar anti komunis yang dipengaruhi oleh dasar dan pemerintahan British. Usaha untuk membentuk DPN telah wujud sejak tahun 1962 untuk mewujudkan Dynamo Plan atau Rancangan Pertahanan Malaysia bagi tujuan memperkembangkan peranan ATM namun ianya telah gagal. Bagi fasa kedua, iaitu pada tahun (1970-1978) adalah fasa yang berkaitan dengan strategi pertahanan berdikari iaitu kesan daripada faktor dalaman yang menghadapi rusuhan kaum, ketidakstabilan politik dan penarikan diri Britain daripada AMDA serta penubuhan FPDA yang merupakan perjanjian pertahanan yang masih longgar. Ini telah memberikan kesedaran kepada Malaysia untuk berdiri sendiri (berdikari) dalam aspek pertahanan.

Walaupun begitu, dalam era ini juga kerajaan turut membangunkan dasar pertahanan dengan memperkenalkan strategi Keselamatan dan Pembangunan KESBAN yang telah merintis kepada strategi Pertahanan menyeluruh (HANRUH). Bagi Fasa ketiga pula iaitu pada tahun (1979-1983), pembangunan dasar dan pertahanan ATM telah melalui perubahan dengan memberi tumpuan kepada pembentukan pasukan daripada pasukan bersifat *counter insurgency* kepada pasukan tentera yang konvensional. Manakala dalam fasa terakhir iaitu pada tahun 1989-2011 adalah fasa yang mana kerajaan telah berusaha melahirkan *Defence White Paper* (Kertas Putih Pertahanan) pada tahun 1986 namun ianya gagal (*fail*). Perletakan senjata oleh PKM telah membolehkan ATM melalui proses pemodenan dan melaksanakan strategi *forward defence* dan Hanruh.

Abdul Razak Baginda dalam bukunya *Malaysia's Defence and Security since 1957* mengemukakan tujuh orang penulis yang menulis di dalam bab. Jatswan S.Sidhu yang menulis

⁵ Siri Simposium Berkala iv. Pertahanan Negara: Cara Mahathir. Siri ucaptama Intitut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM). 23 Jun 2005. Hlm: 5

⁶ Faridah Jaafar.2007. *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005*.Penerbit Universiti Malaya.Hlm: 155.

⁷ Chandra Jeshurun. (1980). *Malaysia Defence Policy: A Study in Parliament Attitudes: 1963-1974*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm 11-17.

tentang *Malaysia's Defence and Security since 1957: An Overview* mengemukakan secara keseluruhan pertahanan dan keselamatan yang merangkumi kemerdekaan negara, era Perang Dingin serta pemberontakan komunis di Malaysia. Di samping itu, sekitar 1970 dan 1980 yang menghuraikan konflik di Indo China serta masalah dalaman negara seperti 13 Mei dan peristiwa memali. Terakhir, turut menulis tentang modenisasi pertahanan seperti peningkatan dalam budget pertahanan dinyatakan pada tahun 2004, kerajaan memperuntukkan 2.8 billion ringgit untuk pertahanan, pada tahun 2005 terdapat pengkatan iaitu 3 billion ringgit. Bab 2 dalam buku yang disunting oleh Abdul Razak Baginda pula ditulis oleh Ruhanas Harun yang bertajuk *The Evolution and Development of Malaysia National Security*. Tulisan beliau menfokus kepada keselamatan nasional, pemberontakan komunis, konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia dan kesan-kesan kepada keselamatan nasional Malaysia.

Faridah Jaafar dalam bukunya Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia menganalisis peranan Perdana Menteri dalam penggubalan dasar luar Malaysia dari tahun 1957 hingga 2005. Lima fasa pemerintahan di bawah dibawah lima Perdana Menteri memberi gambaran keupayaan tokoh – tokoh nombor satu negara merangka dasar luar Malaysia. Sejak kemerdekaan, kesemua Perdana Menteri ini menunjukkan penguasaan, kekuatan, kepimpinan, inisiatif dan pengaruh yang begitu ketara dalam dasar luar Malaysia⁸.

Siri Ucap Utama, Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM) bertajuk Pertahanan Negara: Cara Mahathir (23 Jun 2005) merupakan siri simposium berkala yang merupakan siri ucapan oleh YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang merupakan Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pertahanan yang membawa tajuk ‘Industri pertahanan’ Ucapan kedua ialah dari Yg. Berbahagia Laksmana Tan Sri Dato’ Seri Mohd Anwar hj. Mohd Nor yang merupakan Panglima Angkatan Tentera Malaysia ketika itu dengan tajuk ucapan ‘Hala tuju Pertahanan Negara’. Siri ucapan yang berhalaman 39 muka surat ini diakhiri dengan perbincangan panel oleh Muhammad Fuad Muhammad Nor pengamal media membincangkan tajuk Dasar Pertahanan Malaysia yang memberi keutamaan kelebihan Tun dalam keperibadian seorang yang vokal/kontroversi. Beliau menjelaskan Tun menitik beratkan pertahanan dan perkara lain seperti pembangunan dan ekonomi yang saling berkait rapat.

K.S Balakrishnan (2009) dalam penulisannya berjudul *Malaysia's Defence Policy, Military Modernisation And National Security*, menjelaskan mengenai dasar pertahanan yang boleh wujud dalam dua bentuk iaitu melalui Kertas Putih⁹ dan keputusan rasmi yang dibuat oleh kerajaan adalah juga merupakan sebagai dasar pertahanan negara iaitu:

The defence policy of a nation can be viewed in two ways. First, by taking a look at the published official documents which articulate policy framework and priorities and the necessary resources garnered in order to fulfill national security objectives. Second, is by making an observation on the ad hoc policies and implementations responses of a nation in crisis scenarios, especially in meeting contingencies. Many nations in recent years have published their defence policy documents periodically, in the form of a Defence White Paper, in trying to fulfill the global trend for transparency and

⁸ Faridah Jaafar.2007. Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2003.Kuala Lumpur.Penerbit

⁹Kertas Putih Pertahanan ini adalah dokumen rasmi yang telah diluluskan oleh Parlimen dan Kerajaan yang berkaitan dengan Dasar Pertahanan. Sehingga kini Malaysia masih lagi belum mendedahkan Kertas Putih Pertahanannya dan Dasar Pertahanan yang digunakan adalah berteraskan kepada keputusan atau peniruan rasmi yang dibuat dari masa ke semasa.

accountability...Malaysia has yet to publicize its defence policy documentations in what that a few countries have been periodically doing in the region, following this global trend”¹⁰... “Scholars too have attempted to explain Malaysia’s defence policy by providing both historical and contemporary strategic planning perspectives. However they have been unable to simplify Malaysia’s defence policy conceptually from an overarching strategic perspective. Malaysia defence policy basically hovers around the idea of protecting Malaysia strategic interest and key national principles adhered to by the nation¹¹.

Abdul Razak Baginda dalam bukunya *Malaysia’s Defence and Security since 1957* menyunting tujuh bab yang berasingan tajuk dan penulis untuk dimuatkan dalam satu buku. Penulisan dalam tujuh bab ini tidak membicarakan tentang perubahan dan perkembangan dalam dasar pertahanan era Mahathir secara mendalam. Faridah Jaafar menfokus kepada Lima Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia dari tahun 1957 hingga 2005 dan tidak memberi penumpuan dalam aspek pertahanan negara secara khusus kerana fokus beliau ialah Dasar Luar Malaysia terhadap kelima-lima Perdana Menteri Malaysia. K.S Balakrishnan pula menjelaskan mengenai dasar pertahanan yang boleh wujud dalam dua bentuk iaitu melalui Kertas Putih dan keputusan rasmi yang dibuat oleh kerajaan dalam aspek pertahanan sebagai dasar pertahanan. Ketidakmampuan kerajaan Malaysia menghasilkan Kertas Putih pertahanan agar ia dapat menjadi dasar kepada hala tuju pembangunan ATM. Dalam usaha untuk memastikan keselamatan dan kedaulatan Malaysia dapat dipelihara dan terjamin, Malaysia memerlukan sebuah bentuk dasar pertahanan (*defence posture*) yang kukuh dan mengambil kira masa agar ianya dapat memastikan pembangunan pertahanan dan ATM dalam dibangunkan dengan pesat dan memiliki keupayaan dalam memelihara keselamatan dan kedaulatan negara.

Penulisan Chandra Jeshurun dalam *Malaysia Defence Policy: A Study in Parliament Attitudes* melihat empat fasa mengikut tahun, tidak fokus kepada mana-mana Perdana Menteri. Sebaliknya pengkaji melihat gap yang ketara kerana tiada lagi kajian seperti yang akan dilaksanakan oleh pengkaji kerana fokus pengkaji ialah perubahan dan perkembangan Dasar Pertahanan Malaysia yang menfokuskan kepada Perdana Menteri Keempat sahaja iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad bermula pentadbiran beliau pada tahun 1981 apabila mengambil alih tampok pemerintahan sehingga akhir pemerintahan beliau pada tahun 2003. Kajian Chandra Jeshurun tidak menyeluruh kerana kajian beliau dalam empat fasa ini menghasilkan artikel dengan jumlah 11-17 muka surat, manakala pengkaji akan melihat perubahan dan perkembangan dengan lebih mendalam (*in-depth study*) yang merangkumi perubahan dan perkembangan dalam pertahanan, apakah elemen-elemen yang mempengaruhi Dasar Pertahanan Malaysia dan kesan kepada pertahanan Malaysia pada era Tun Mahathir 1981-2003 dalam menjaga kepentingan nasional Malaysia agar terus utuh dan terpelihara.

Tun Mahathir Mohamad memainkan peranan yang pro-aktif di arena antarabangsa, di mana beliau banyak menyelesaikan masalah dalam ataupun luaran negara. Beliau mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi iklim politik, keselamatan serta pembangunan sosial dan

¹⁰K.S Balakrishnan (2009). *Malaysia’s Defence Policy, Military Modernisation And National Security*. Dalam Abdul Razak Baginda (pnyt). *Malaysia’s Defence &Security Since 1957*. Kuala Lumpur: Malaysia Strategic Research Centre. hlm 116

¹¹ K.S Balakrishnan (2009). *Malaysia’s Defence Policy, Military Modernisation And National Security*. Dalam Abdul Razak Baginda (pnyt). *Malaysia’s Defence &Security Since 1957*. Kuala Lumpur: Malaysia Strategic Research Centre. hlm 117-118
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

ekonomi yang memanfaatkan Malaysia. Beliau menekankan kejasama dalam konteks ASEAN, Kerjasama Selatan-Selatan (LID, SAID), NAM, KOMANWEL, OIC, D8 dan G18. Malaysia berperanan yang lebih aktif dalam PBB dengan contohnya Malaysia telah secara rasmi diambil untuk kali kedua dalam Majlis Keselamatan PBB dengan menyaksikan Tan Sri Razali Ismail sebagai wakil tetap PBB pada tahun 1981. Tun Mahathir juga dipilih sebagai presiden untuk menangani masalah dadah di dalam International Conference on Drug Abuse and Illicit Trafficking (ICDATT) di Vienna pada 17-26 Jun 1987. Di samping itu, Tun Mahathir mempunyai keistimewaan iaitu kelantangan dan ketegasan dalam menyuarakan isu-isu antarabangsa seperti Isu Antartika sebagai hak warisan sejagat, memperjuangkan hak-hak negara membangun dalam isu-isu alam sekitar, hak asasi manusia dan demokrasi dan sebagainya. Dalam era pemerintahan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau mengamalkan dasar berkecuali, equidistance dan pro-aktif. Beliau tidak berhasrat untuk mengubah dasar yang telah terbukti keberkesanannya yang sudah ada pada pemerintahan Tun Mahathir Mohamad dan mahu terus mengekalkan, tetapi akan menggubal dasar yang sedia ada jika ada keperluan dan kepentingan semasa. Beliau mengutamakan kepentingan nasional dengan bekerjasama dengan serantau untuk pembangunan dan kemajuan negara. Di bawah pemerintahan beliau, Malaysia menjadi pengurus di ASEAN, OIC, dan NAM.

Menurut Reza dan Yasmin (2019) jika sesiapa ingin mengetahui dan belajar mengenai kepimpinan, seseorang itu harus melihat kepada kepimpinan Mahathir Mohamad dalam aspek bagaimana beliau memimpin rakyat dan bagaimana beliau menjadikan sebuah Negara yang mempunyai ekonomi pertanian yang lemah kepada sebuah Negara yang kaya. Beliau dikenali sebagai Bapa Permodenan Malaysia. Dalam hal ini, pembaharuan yang dinamik di Malaysia adalah atas jasa kepimpinan Mahathir Mohamad. Keupayaan dan kepimpinan beliau telah menyebabkan rakyat berkembang daripada tahap yang rendah ke tahap yang tinggi dan pencapaian beliau tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pemimpin pada masa ini. Beliau merupakan seorang patriot sejati dan pemimpin berbakat di mana beliau telah mencapai kejayaan dalam tempoh yang singkat. Tujuan penulisan ini adalah untuk mengetahui kualiti kepimpinan Mahathir Mohamad, pencapaian beliau dan idea beliau dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara yang kaya dan maju. Penulisan ini berdasarkan beberapa karya analisis kajian penulisan mengenai Mahathir Mohamad dan Malaysia¹².

Dato Seri Najib (2005), menyatakan dalam buku yang ditulis oleh Profesor Dr. Sivamurugan Pandian yang bertajuk Lagasi Mahathir menggambarkan Tun seorang pemimpin ulung negara atau lebih sesuai dipanggil ‘statesman’ tanah air. Selama 22 tahun Malaysia ditadbir dan diterajui oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir, seorang pemimpin berwibawa, terhormat, berkarisma dan berjaya memacu negara ke persada antarabangsa, sehingga Malaysia bukan sahaja dikagumi tetapi turut disegani. Ramai beranggapan Tun Mahathir sungguh istimewa dan Malaysia wajar bersyukur kerana dikurniakan seorang pemimpin yang disanjungi ramai. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meninggalkan satu legasi, satu sejarah baru di dalam arena politik tanah air. Malaysia muncul sebagai salah sebuah negara yang pesat membangun di kalangan negara dunia ketiga kerana corak kepimpinannya. Personaliti Tun Dr Mahathir menggagahi segala tindakannya sehingga pemikirannya di dalam sektor ekonomi, asains dan

¹² Reza, M. H. & Yasmin, N. (2019). Development of Malaysia under the Leadership of Mahathir Mohamad: Turned Malaysia into a Rich Country. PEOPLE: International Journal of Social Sciences, 5(1), 498-506
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

teknologi, agama dan perhubungan antarabangsa telah mewarnai pencapaian negara selama lebih dua dekad. Kesemua ini menjadi satu legasi, satu doktrin, satu ideologi.¹³

Kepimpinan Dr. Mahathir telah merentasi pemikiran konvensional dalam pelbagai bidang dan kebijaksanaannya memang diakui dan dikagumi dunia. Segenap lapisan masyarakat menjawai perjuangan kearah Malaysia yang babas dari konkongan asing dan membangun dengan rentak yang tersendiri.. Setiap kejayaan yang dicapai oleh negara selama 22 tahun Tun memimpin adalah kerana sokongan dan semangat ‘Malaysia Boleh’ yang tersemat di dalam sanubari rakyat Malaysia. Menurut Dato Seri Najib lagi, Tun R. Mahathir telah benar-benar telah berjaya menzahirkan hasrat untuk membina bangsa dan negara bermaruah dan sekaligus telah berjaya meninggalkan negara aman, makmur dan stabil.

Faktor Yang Mempengaruhi Dasar Pertahanan Malaysia Era Tun Mahathir Mohamad 1981-2003

Tiga faktor utama yang mempengaruhi dasar pertahanan era Mahathir ialah Faktor Luaran (*External Factors*), Faktor Dalamam (*Internal Factors*) dan Faktor Idiosinkrasi Tun. Faktor luaran yang akan dibincangkan ialah seperti Perspektif Strategik rantau Asia Pasifik, ekonomi antarabangsa, Asean dan kuasa besar dunia, *balance of power* (US dan China) dan isu Keselamatan Bukan Tradisional (*New Security Issues/Non Traditional Security*).

Faktor Luaran

Perspektif Strategik rantau Asia Pasifik

Persekutuan strategik yang global dan serantau sentiasa berubah dan tidak menentu, sekaligus membawa pelbagai ancaman, cabaran dan peluang. Ketidakstabilan rantau ini mengundang kuasa-kuasa besar bertapak semula dan dilihat akan terus mencorak hala tuju keselamatan Asia Pasifik. Rantau Asia Pasifik akan terus menjadi kawasan yang mempunyai kepentingan kepada negara pada dekad-dekad mendatang. Walaupun rantau ini terkawal dan aman, namun keadaan ini berpotensi menjadi tidak stabil kerana isu-isu lama dalam sub regional yang masih belum selesai. Isu senjata nuklear di Semenanjung Korea, Krisis China-Taiwan dan konflik India-Pakistan berkenaan isu Kashmir dan isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan, jika tidak ditangani dengan baik boleh mempengaruhi keadaan keselamatan negara-negara serantau. Malah, masalah dalaman seperti di Selatan Filipina, Indonesia, Timor Leste, Myanmar dan Selatan Thailand jika tidak dibendung akan turut menggugat keselamatan dan kemajuan ekonomi negara Malaysia.

Ekonomi Antarabangsa

Keamanan dan keselamatan sudah pasti menarik pelabur dan memakmurkan ekonomi negara. Dalam era Tun Dr. Mahathir, beliau menekankan konsep kerjasama ekonomi dengan harapan negara kita boleh bersaing dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa. Namun demikian, objektif dan matlamat negara tetap sama iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dari segi ekonomi, stabil dari segi politik, dihormati oleh semua masyarakat dunia dan mampu memberikan sumbangan di arena antarabangsa. Menurut Robert Keohane and Joseph Nye's (1989) menyatakan tahap saling kebergantungan ekonomi boleh dilihat dari petunjuk utama digunakan untuk mengukur kebergantungan ekonomi adalah yang pertama

¹³ Sivamurugan Pandian.2005. legasi Mahathir. Dalam kata Alu Aluan buku legasi Mahathir dari Timbalan Perdana Menteri Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

aliran perdagangan antarabangsa dan yang kedua adalah asing pelaburan langsung (FDI).¹⁴ Menurut He, Kai (2008) terdapat perdebatan mengenai hubungan antara ekonomi yang saling bergantung antara konflik antarabangsa. Walaupun pendapat neoliberalisme percaya pergantungan ekonomi berkurangan kemungkinan antarabangsa konflik, namun perspektif neorealists berpendapat bahawa saling ketergantungan diantara ekonomi meningkatkan kuasa bahaya perang. Terdapat saranan berpendapat bahawa perdagangan tidak dapat dilaksanakan sekiranya sesebuah negara itu tidak mencapai keamanan dan ada juga yang berpendapat bahawa peranan saling ketergantungan terhadap keseimbangan kuasa ekonomi juga mampu mempengaruhi hubungan antara negara. Kebergantungan terhadap keseimbangan kuasa ekonomi tidak menghalang negara daripada memilih mengimbangi tentera jika ia boleh menawarkan mereka lebih banyak keselamatan. Menurut Brian Wong (2018) menyatakan perang perdagangan diantara negara China dan US telah menunjukkan bahawa kekuatan yang sebenarnya adalah daya pengeluaran, pasaran pengguna dan mempunyai kawalan terhadap pengeluaran dan input pengeluaran utama. Kekuatan ekonomi adalah kekuatan pasaran pengguna dan kekurangan rantaian bekalan pengeluaran adalah merupakan kelebihannya.¹⁵

ASEAN dan Kuasa Besar Dunia

Amerika Syarikat secara dasarya dikenali kerana kekuatan dan keutuhannya dalam aspek politik, ekonomi, dan yang paling menyerlah dalam aspek ketenteraan. Keadaan ini secara tidak langsung turut sama mempengaruhi pembangunan dan perkembangan negara-negara sekitar Asia Timur seperti China, Taiwan, Jepun, Korea Utara, dan juga Korea Selatan. Dalam hal ini kita dapat melihat bagaimana berkuasanya pengaruh ketenteraan yang dimainkan oleh Amerika Syarikat. Melihat bagaimana kekuatan tentera Amerika Syarikat memberi bantuan kepada kebinasaan ekonomi yang dihadiahkan oleh perusahaan Amerika kepada rakyat miskin diseluruh dunia. Dalam konteks ini, Amerika sangat bijak untuk menggunakan kuasanya dengan berselindung disebalik niatnya yang mahu mangawal seluruh dunia. Penglibatan Amerika di rantau Asia Tenggara dari satu sudut merupakan kuasa pengimbang dengan kuasa komunis¹⁶. Ia secara langsung telah memberi keyakinan dan jaminan keselamatan kepada NAT dalam aspek keselamatan. Justeru itu, penglibatan kuasa Amerika di Asia Tenggara seolah-olah direstui oleh NAT khususnya bagi menggelakkan ancaman-ancaman daripada kuasa komunis. Penerimaan terhadap kuasa Amerika dan penolakan kuasa komunis ini adalah jelas dapat dilihat ketika era Perang Dingin¹⁷. Malahan keterlibatan kuasa Amerika di rantau Asia Tenggara juga telah menjadi dorongan kepada NAT untuk memperkuatkan hubungan dua hala antara negara bagi menjamin dan memperkuatkan keselamatan nasional¹⁸. Penglibatan Amerika Syarikat di Asia Tenggara dianggap penting oleh NAT. Ini kerana kuasa Amerika

¹⁴ Keohane, Robert and Joseph Nye (1989) Power and Interdependence, 2nd edn. New York: HarperCollins.

¹⁵ Brian Wang (2018) Future Trade War Balance of Power from Now to 2055 diakses pada Januari 2019 di laman sesawang <https://www.nextbigfuture.com/2018/12/future-trade-war-balance-of-power-from-now-to-2055.html>

¹⁶ Graham Evans dan Jeffery Nenwhm, *The Dictionary of Politics*, Harvester & Wheatsheaf, London, 1992. hlm

4 dan lihat juga _____. High tension, China and Taiwan need to step back from the brink, *Asiaweek*, September 1995. hlm 94

¹⁷ Untuk keterangan lanjut mengenai persaingan dan perluasan ideologi demokrasi oleh kuasa Amerika Syarikat di Asia Pasifik, sila lihat James W. Morley, *Driven by growth political change in the Asia-Pacific region*, An East Gate Book, London, 1993. hlm 105

¹⁸ Clough and Others, Op.Cit. hlm 107

turut dilihat sebagai pemangkin kepada kestabilan dan keselamatan negara-negara di Asia Pasifik. Menurut Mohd Azizudin Mohd Sani (2001) menyatakan:

"Berdasarkan laporan The United States Security Strategy for The East Asia Pacific Region 1998, penglibatan tentera Amerika Syarikat (di Asia) dapat membina kekuatan dan pembangunan politik, ekonomi dan ketenteraan di dalam persekitaran Asia yang pelbagai disamping AS dapat memberikan keyakinan serantau, mempromosi nilai demokrasi dan menambah jaminan keselamatan serantau"¹⁹.

Perkembangan pengaruh Amerika Syarikat ke rantau ASEAN didasari dengan beberapa faktor. Sejak Perang Dunia Kedua, rantau ASEAN diwarnai dengan beberapa peristiwa yang melibatkan campurtangan langsung dan tidak langsung kuasa-kuasa besar. Antaranya ialah faktor keseimbangan kuasa atau *balance of power*²⁰ di rantau Asia Tenggara yang menyebabkan Amerika Syarikat melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi, politik dan sosial negara-negara ASEAN. Hal ini ditekankan oleh William Sullivan iaitu duta Amerika Syarikat ke Filipina. Beliau menegaskan bahawa Amerika Syarikat sentiasa bersedia menyambung tanggungjawabnya mengekalkan keseimbangan kuasa di dunia termasuk rantau Asia Tenggara²¹. Malah beliau menyatakan bahawa ia tidak hanya berlaku dalam soal keselamatan semata-mata tetapi meliputi pembangunan ekonomi dan kemakmuran masa depan NAT yang memerlukan kestabilan dan keseimbangan kuasa²². Menyedari peranan tersebut, Amerika Syarikat telah mengambil beberapa langkah. Antaranya pihak Amerika telah meningkatkan keupayaan kuasa ketenteraannya untuk mencegah usaha-usaha penggunaan kuasa ketenteraan atau bentuk kuasa yang boleh mengancam kestabilan rantau Asia Tenggara²³.

Manakala faktor kedua yang mendorong penglibatan AS di rantau Asia Tenggara ialah bagi memelihara kepentingan ekonominya²⁴. Bagi AS, negara-negara ASEAN telah menyumbang kepada peningkatan kegiatan perdagangan antara kedua-dua pihak melalui hubungan dua hala. Pada tahun 1974 misalnya, eksport barang negara ASEAN ke Amerika Syarikat melibatkan jumlah eksport Indonesia yang mencatat USD 1580.3 juta (21.3%), Malaysia USD 595.4 juta, Singapura USD 862.6 juta (142.2%). Dalam masa yang sama negara-negara ASEAN turut membekalkan 90% import getah asli AS, 10% petroleum, 72% bijih timah, 14% gula dan 17% teh. Perdagangan Amerika dengan NAT telah meningkat dengan pesat semenjak era 1990-an dan 2000. Ini kerana rantau Asia Tenggara telah mencapai kemakmuran ekonomi serta

¹⁹ Mohd Azizudin Mohd Sani, Strategi Amerika kuasai rantau Asia Timur, *Pemikir*, Bil. 24, April-Jun 2001. hlm 52

²⁰ Michael Leifer, *The balance of power in East Asia*, Macmillan, London, 1986. hlm 145

²¹ Lihat juga W. Woodruff, The burden of power in a fragmented world, An American View, *The World Today*, Vol. 8, Bil. 6, Jun 1992. hlm 105

²² H. Binnendijk dan P. Clawson, *Strategic assessment 1997: Flashpoints and force structure*, Institute for National Strategic Studies dan National Defense University, Washington, 1997. hlm 1

²³ Clough and Others. Op.Cit. hlm 117

²⁴ Amerika telah menetapkan perimeter pertahanan Amerika di Asia Pasifik adalah meliputi Jepun hingga ke Filipina dalam melindungi kepentingan nasionalnya. Sila rujuk Clayde A. Buss, *The United States and the Republic of Korea: Background of policy*, Hoo International Studies. 1982. hlm 62
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat semenjak 1990²⁵. Perluasan kuasa Amerika Syarikat ke rantau Asia Tenggara turut melibatkan pemindahan teknologi kepada negara-negara ASEAN. Bagi Amerika adalah menjadi tanggungjawab mereka menyebarkan penemuan-penemuan teknologi baru ke seluruh dunia termasuk rantau Asia Tenggara. Pemindahan teknologi ini dilakukan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti pelaburan asing tetapi turut melibatkan kerjasama antara kerajaan dan kerajaan. Selain itu, negara-negara ASEAN mampu membekalkan sumber-sumber yang diperlukan. Contohnya Amerika mengimport barang siap seperti barang elektrik dan elektronik, komponen mesin dan sebagainya²⁶. Di samping itu, Amerika turut mengimport bahan mentah seperti getah asli, bijih timah, petroleum, kayu, tekstil dan sebagainya. Oleh yang demikian, tindakan-tindakan yang diambil oleh Amerika dalam perkembangan di Asia Tenggara menunjukkan terdapat hubungan kebergantungan antara Amerika-ASEAN khususnya dalam aspek ekonomi dan keselamatan.

Ketika era Perang Dingin, China telah dilihat sebagai kuasa Asia Pasifik yang dapat memberi ancaman kepada NAT. Malahan perkembangan-perkembangan komunis di NAT pada era Perang Dingin seperti pertubuhan Parti komunis Malaya (Tanah Melayu), Parti Komunis Indonesia (Indonesia), Parti Komunis Vietnam (Vietnam) dan sebagainya turut melibatkan hubungan China dengan NAT²⁷. Pemulihan hubungan antara China-Amerika semenjak 1972 telah mula menghasilkan satu era baru dalam hubungan kerajaan demokrasi dan kerajaan komunis di Asia Pasifik²⁸. Walaupun ia tidak memberi kesan langsung terhadap NAT, namun serba sedikit ia menjadi titik kesedaran bagi anggota NAT untuk mengadakan hubungan yang baik antara negara walaupun terdapat perbezaan ideologi. Ia dapat dilihat melalui kesan tidak langsung iaitu penerimaan ASEAN terhadap kemasukan negara-negara komunis sebagai ahli ASEAN seperti Vietnam, Laos dan Kemboja pada era 1990an. Pemodenan China semenjak pemerintahan Deng Xiaoping (1978-1997) berjaya memperlihatkan China membangunkan ekonomi dan ketenteraan dengan mendadak. Pembukaan kepada pelaburan asing (FDI) serta mengamalkan sistem ekonomi kapitalis dalam sistem ekonomi telah membawa China kepada kadar pertumbuhan ekonomi yang kukuh semenjak 1980an dan 1990an²⁹. Sejajar dengan pembaharuan Deng Xiaoping dalam aspek ekonomi, China telah membuka peluang kepada negara-negara dari rantau Asia Tenggara untuk melabur di China bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dua hala. Kesempatan ini turut memberi peluang kepada NAT untuk mengadakan kerjasama ekonomi dengan kuasa China dalam mempertingkatkan kadar pertumbuhan ekonomi³⁰. Henry Kissinger (1995) menyatakan :

"I think it is inevitable that China will become a great power. I think if China continues even half the rate of increase of the last 15 years that it will become one of the really significant countries in the world...it will insist on being treated accordingly not by

²⁵ Lihat juga Kishore Mahbubani, Ijmak Asia Timur, Rustam A. Sani (trj), *Pemikir*, Bil. 12 April-Jun 1998. hlm 100-101

²⁶ Sila lihat Asmady Idris, Amerika Syarikat satu kuasa hegemoni dunia, Op.Cit. hlm 84-86

²⁷ Karl W. Deutsch, *Analisis perhubungan antarabangsa*, Murugesu Pathmanathan (trj), Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995. hlm 199

²⁸ Clough and Others, Op.Cit. hlm 118

²⁹ Qin Shi, *China*, Xin Xing Publishers, Beijing, 1995. hlm 21

³⁰ Perubahan dasar luar China semenjak akhir 1970-an telah membawa perubahan dalam hubungan diplomatik dan ekonomi China dengan negara-negara luar, sila rujuk J.R. Townsend, *Politics in China*, dalam *Comparative politics today: A world view*, Scott, Foresman and Company, Glenview, 1988. hlm 371-373

*military expansions but simply by the weight of its culture, of its economy, and of its mass*³¹.

Pembaharuan dan pemodenan China telah mewujudkan hubungan baik negara ASEAN yang mana secara langsung hubungan ini banyak dimanfaatkan oleh NAT khususnya dalam bidang ekonomi. Hubungan diplomatik antara China dengan negara-negara ASEAN telah terjalin semenjak era Perang Dingin lagi. Sebagai contoh, lawatan secara rasmi yang dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Abdul Razak pada Mei 1974 yang bertujuan membentuk hubungan erat khususnya dalam aspek keselamatan. Hubungan ini pada mulanya hanya sebagai hubungan diplomatik, namun ia adalah titik permulaan yang merintis jalan kepada pengwujudan hubungan ekonomi dan diplomatik China-ASEAN³². Semenjak tahun 1980-an terdapat pertumbuhan mendadak dalam hubungan dagangan antara China dan negara-negara ASEAN, malahan tamatnya Perang Dingin pada 1991 telah mempertingkatkan kerjasama ekonomi dua hala China-ASEAN. Pemulihan hubungan antara ASEAN-China telah membawa era baru dalam kerjasama ekonomi. Hubungan perdagangan ASEAN dan China bertambah baik dan semakin pesat apabila termeterainya satu memorandum persefahaman (MOU) pada 1996 mengenai kerjasama pengangkutan Bagi mengukuhkan kerjasama kedua-dua negara dalam bidang pengangkutan dan mengalakkan penubuhan ASEAN-China (*Free Trade Area*). Komitmen China dengan ASEAN juga terserlah dengan cadangan negara itu untuk menubuhkan kumpulan tokoh-tokoh ASEAN-China untuk mengkaji dan mengesyorkan amasa depan hubungan kedua-dua pihak. Asean-China juga telah mengeluarkan deklarasi bersama dengan mendaraskan pelbagai bidang bagi mengadakan kerjasama serantau bagi tempoh 2005 hingga 2010. Deklarasi ini adalah bermatlamat untuk mengukuhkan keamanan, pembangunan dan kemakmuran di rantau ini. Perdagangan China dengan ASEAN memecah paros rekod tertinggi RM297.35 bilion pada tahun 2003, meningkat kepada 42.8 peratus daripada tahun 2002.

Kemasukan China telah mendorong kemajuan terhadap FTA dalam menembusi pasaran ekonomi global. Keputusan China untuk menyertai ASEAN+3, menjadikan ASEAN sebagai organisasi rantau yang mampu menjadi kumpulan ekonomi dunia di peringkat global³³. Kemasukan China di dalam ASEAN, merupakan aset terpenting dari segi pasaran ekonominya di samping memperkuatkan ekonomi negara-negara anggota ASEAN. Dalam masa yang sama, China telah menjadikan beberapa negara-negara ASEAN seperti Malaysia³⁴, Thailand, Filipina dan Indonesia sebagai rakan dagangan yang tetap³⁵. Kemajuan China yang setanding dengan negara-negara maju lain seperti Jepun dan EU, akan turut memberi kesan positif kepada NAT khususnya dalam aspek pembangunan ekonomi dan pemindahan teknologi. Kemunculan kuasa China di rantau Asia Tenggara juga dapat dilihat dari sudut positif yang lain Selepas tamatnya Perang Dingin pada 1991, ia menandakan tamatnya persaingan dua kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union dan terbentuknya sistem unipolar dalam sistem antarabangsa³⁶. Kejatuhan Soviet Union ini telah meninggalkan ruang kepada China untuk

³¹ Henry Kissinger, *Strategic trends toward the 21st century: Economic and political challenges*, Malaysian Strategic Research Centre, Kuala Lumpur, 1995. hlm 12

³² Sila lihat keterangan perlaksanaan dasar luar China selepas 1980 dalam Allen S. Whiting, *Foreign policy of China*, dalam *Foreign policy in world politics*, Prentice Hall, New Jersey, 1992. hlm 223-226

³³ Zia Mahmud, ASEAN+3 lahirkan gagasan Asia Timur, *Dewan Masyarakat*, Disember 2005. hlm 11-14

³⁴ Rujhan Mustafa, Kerjasama erat Malaysia-China, *Dewan Masyarakat*, Disember 2005. hlm 19-23

³⁵ Mustafa Dakian dan Lailatul Insyirah Mustafa, Asean + 3: Kerjasama strategik, *Dewan Masyarakat*, Disember 2005. hlm 15-18

³⁶ C. Krauthammer, The unipolar moment, *Foreign Affairs*, Vol. 70, Bil.1, 1991. hlm 20

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

muncul sebagai kuasa komunis bagi menggantikan kuasa Soviet Union³⁷. Keruntuhan Soviet ini menjadi teladan kepada China untuk memperkuatkan bidang ekonomi di samping bidang politik dan ketenteraan. Oleh itu, semenjak 1990-an, China dilihat memperkuatkan pertumbuhan ekonominya dengan mengadakan hubungan dagangan tanpa mengambil kira aspek ideologi sesebuah negara termasuklah mempergiatkan hubungan dan kerjasama ekonomi dengan negara-negara serantau³⁸. Kemunculan kuasa China di rantau Asia Pasifik secara tidak langsung dapat mewujudkan *balance of power* dengan kuasa Amerika yang merupakan kuasa unipolar semenjak 1991³⁹. Keseimbangan kuasa ini amat penting bagi mengelakkan dominasi Amerika Syarikat terhadap negara-negara kecil dan lemah seperti NAT. Kemasukan China dalam ASEAN+3 menjadikan kuasa China sebagai kuasa pengimbang dalam pergantungan NAT terhadap ekonomi dan politik Amerika Syarikat. Secara tidak langsung penglibatan China dapat menjadi kuasa pelindung dan menjamin keselamatan serta memperkuatkan kestabilan politik dan ekonomi di Asia Tenggara⁴⁰.

Malaysia harus meneruskan dasar neutralisasi dan tidak mengambil tindakan bersendirian dalam menangani isu persaingan antara dua kuasa besar dunia, Amerika Syarikat dan China. Menurut Bekas Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan, Malaysia harus menggunakan platform ASEAN untuk membawa suara di dasar antarabangsa.

"Dalam isu persaingan antara Amerika Syarikat dan China, kita (Malaysia) harus meneruskan dasar neutralisasi atau dasar berkecuali dan harus bertindak bukan bersendirian. "Tetapi kita perlu melalui ASEAN kerana ia menguatkan lagi suara Malaysia di medan dasar antarabangsa. ASEAN juga berperanan untuk menguruskan seberapa yang boleh bagi kedudukan, kestabilan dan kemakmuran di rantau Asia Pasifik. "Malah melalui Forum Serantau ASEAN yang mana ahlinya termasuk AS, China, Rusia dan kuasa-kuasa besar lain juga bermatlamat untuk menguruskan konflik, perbezaan dan keselamatan di rantau ini,".

Persaingan antara kuasa besar dunia itu membimbangkan dan tanggungjawab masyarakat dunia ketika ini adalah membentuk arus agar perselisihan tersebut reda. Faktor-faktor yang membangkitkan persaingan ini termasuk faktor sejarah, ideologi, persaingan, perdagangan, ekonomi dan keselamatan. Faktor utama adalah ideologi yang dibangkitkan oleh AS untuk menekan China apatah lagi selepas China dilaporkan akan menjadi kuasa besar dunia menjelang 2050. Melihat kepada prospek jangka masa panjang, adalah penting, agar kedua-dua negara besar ini bekerjasama menangani isu yang lebih besar dan memimpin negara-negara lain. Persaingan antara AS dan China adalah sangat membimbangkan sekiranya kedua-dua negara besar ini masih lagi bersaing secara negatif dan tidak secara bekerjasama.

³⁷ Sila lihat perbincangan keruntuhan Soviet Union pada 1991 yang telah membuka ruang kepada kuasa-kuasa lain untuk muncul menyaingi kuasa Amerika. Sila lihat J.T Rouke, *Politics international on the world stage*, The Duskin Publishing Group Inc, Connecticut, 1991. hlm 123 dan lihat juga J.Barber, The search for international order and justice, *The World Today*, Vol. 49, Bil. 3, Ogos-September 1993. hlm 153-154

³⁸ Robert Kleinberg, *China opening to the outside world: The experiment with foreign capitalism*, Westview Press Inc, Boulder, 1990. hlm 19

³⁹ G.E Fuller dan J. Arquilla, The intractable problem of regional powers, *Orbis*, Vol. 40, Bil. 4, 1996. hlm 614-615

⁴⁰ Ibid. hlm 615-616

Balance of power (US dan China)

Perkembangan di rantau Asia Pasifik akan terus dipengaruhi oleh hubungan antara Amerika Syarikat (AS), China dan Jepun. Malaysia mengakui bahawa AS akan kekal sebagai kuasa utama dan memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran strategik serantau. Selaras dengan kerjasama pertahanan Malaysia-Amerika pada masa kini, sokongan diperlukan untuk membina keyakinan dan memastikan kepentingan pertahanan dan ekonomi negara Malaysia. Harus diingat bahawa Asia Tenggara menjadi sangat penting kepada AS selepas kejadian serangan pada 11 September 2001. Ini terbukti apabila AS menandatangani Perjanjian Amity dan Kerjasama di Asia Tenggara 1976 (TAC) pada tahun 2009. AS juga dijangka mengukuhkan kehadirannya melalui perjanjian pertahanan dua hala dengan Jepun, Korea Selatan, Thailand, Filipina, Australia dan Singapura sementara mengukuhkan rangkaian pertahanan dengan negara lain di rantau ini. China mengakui kepentingan ekonomi dan politiknya di Asia Tenggara. China tidak melihat ASEAN sebagai ancaman tetapi sebagai faktor penstabilan kepada persekitaran serantau walaupun China muncul sebagai kuasa besar ekonomi dan ketenteraan yang mampu mempengaruhi keseimbangan strategik di Asia Pasifik secara keseluruhan. Interaksi strategik China-Jepun pasti akan berterusan dengan kedua-dua Negara tersebut yang mempunyai objektif keselamatan yang berbeza. Jepun akan kekal sebagai kuasa besar ekonomi yang bekerja tetapi dapat dijangka untuk memberi perhatian lebih kepada keamanan serantau.

Rusia yang kelihatannya telah Berjaya mengatasi masalah dalamannya berpotensi untuk menjadi lebih aktif di rantau ini dan memainkan peranan yang penting dalam hubungan keselamatan serantau. Imbangan kuasa dan kepentingan strategik yang dinyatakan di atas tidak dijangka menghalang perdamaian dan kestabilan yang berterusan di Asia Pasifik. Fokus dan kepentingan umum akan menyumbang kepada hubungan yang lebih baik antara kuasa besar. Tambahan pula tumpuan strategik kuasa serantau adalah dalam bidang kerjasama ekonomi dan bukannya konfrontasi politik dan ketenteraan.

Isu Keselamatan Bukan Tradisional (New Security Issues/Non Traditional Security)

Isu keselamatan tradisional kekal sebagai ancaman utama kepada kedaulatan Malaysia. Walau bagaimanapun, ancaman bukan ketenteraan atau asimetris menjadi keimbangan utama dan mempunyai keupayaan untuk mencabar kuasa kerajaan dan berpotensi untuk melemahkan keselamatan dan kestabilan serantau. Keganasan telah muncul sebagai ancaman jangka panjang kepada keselamatan serantau dan antarabangsa selepas kejadian serangan pengganas pada 11 September 2001 di Amerika Syarikat. Pada masa ini dua kumpulan militan dan pengganas yang aktif dan terancang adalah Kumpulan Abu Sayyaf (ASG) dan Jamaah Islamiah (JI). ASG melakukan penculikan untuk mendapatkan wang tebusan untuk membayai kegiatannya di selatan Filipina. Aktiviti ASG mempunyai implikasi keselamatan terhadap Malaysia terutamanya di Sabah. Pihak berkuasa juga prihatin mengenai kemungkinan gabungan dan rangkaian kerjasama antara JI dan ASG di selatan Filipina.

Rangkaian JI masih aktif di Asia Tenggara terutama di Indonesia bersama rangkaian di Filipina, Malaysia, Singapura dan Thailand. Malaysia telah berjaya menjalankan operasi untuk membendung aktiviti JI dengan beberapa siri tangkapan termasuk penangkapan Mas Selamat Kastari dan dua rakannya di Johor pada 1 April 2009. Demikian juga usaha Indonesia dan Singapura untuk membendung keganasan melalui penangkapan atau pembunuhan perancang utama pengganas dianggap sebagai sebahagian daripada usaha berterusan yang jelas memerlukan kerjasama di peringkat serantau. Peranan JI dalam mempromosikan keganasan masih memerlukan pemantauan khas yang berterusan walaupun telah berlaku kematian

beberapa pemimpin kanan JI, yang selebihnya terus merekrut dan menjalankan kegiatan yang perlu dihapuskan sepenuhnya. Pengeboman bunuh diri bukanlah satu fenomena baru dan kemungkinan penggunaannya di Malaysia tidak dapat dikurangkan. Malaysia mengamalkan sikap proaktif dalam memerangi keganasan serantau. Mereka yang dikenal pasti sebagai pengganas telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Negara-negara di rantau ini melalui agensi penguatkuasaan masing-masing terus meningkatkan kerjasama dan pertukaran maklumat mereka secara komprehensif untuk menghalang pelan kumpulan pengganas.

Faktor Dalaman (Internal Factors)

Faktor dalaman yang akan dibicangkan ialah persepsi ancaman dalaman, ancaman Parti Komunis Malaya (PKM) dan pembangunan ATM pesat ketika era Mahathir.

Persepsi Ancaman Dalaman

Pada era Perang Dingin senario acaman lebih tertumpu kepada ancaman tradisional⁴¹ dan mempengaruhi kerajaan untuk membentuk DPN dalam menjamin keselamatan negara. Pada peringkat awal 1957-1986, DPN adalah condong kepada *dependency* (kebergantungan) kepada Barat dan bergerak seiring dengan dasar luar. Ancaman komunis telah mempengaruhi PDN semenjak 1957-1986 yang mana logistik ATM dibangunkan berdasarkan 'counter' 'insurgency'⁴². Ketika ini, logistik ATM adalah bergantung kepada negara Barat seperti AS dan Britain termasuk pembelian aset logistik ATM seperti pesawat pejuang, helikopter, persenjataan darat dan doktrin pertahanan yang tertumpu kepada ancaman dalaman negara serta melawan pemberontakan.

Shaharuddin Bin Othman (2002) dalam *Malaysian Armed Forces Modernisation: Would It Enhance National Development?* menjelaskan mengenai dalam aspek pembangunan ketenteraan Malaysia, pembangunan dalam memodenkan ATM bermula semenjak tahun 1991 yang mana fokus pembangunan dan pemodenan ATM adalah daripada angkatan pertahanan yang berorientasikan mengadapi ancaman dalam era darurat kepada angkatan pertahanan yang bersifat konvensional. Antara tahun 1948-1989 fokus ATM adalah untuk mengadapi ancaman dalaman Negara iaitu ancaman PKM, namun setelah perjanjian damai dimetrai pada tahun 1989 ia telah berubah kepada ancaman luar sempadan Negara. Usaha ini dapat dilihat dengan tindakan kerajaan yang mengambil keputusan untuk membangunkan dan memodenkan TLDM dengan pembelian dua buah kapal perang termoden di Asia Tenggara pada ketika itu iaitu KD Lekiu dan KD Jebat bagi memastikan Malaysia dapat melindungi perairannya dengan lebih berkesan. Selain itu, Malaysia juga turut membangunkan TUDM agar ia dapat memastikan TUDM dilengkap dengan kelengkapan pertahanan yang seiring dengan kemajuan teknologi semasa pertahanan dan dapat melindungi sempadan dan kedaulatan negara. Pembangunan dan pemodenan ATM ini juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran strategik yang mana persekitaran antarabangsa, rantau dan dalam Negara Malaysia itu sendiri telah mempengaruhi Malaysia untuk menyediakan sistem pertahanan yang terbaik dalam melindungi keselamatan dan kedaulatan negara.

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan benteng pertahanan negara yang bertanggungjawab untuk memastikan Malaysia terhindar daripada segala ancaman sama ada

⁴¹ Joel Krieger et.al (1993). *The Oxford Companion To Politics Of The World*. Oxford:Oxford University Press.hlm820

⁴² Jasbir Singh (2003). Op.cit. hlm 66-68

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

daripada daratan, lautan dan udara manakala membantu pihak berkuasa awam didalam menangani ancaman dalaman negara. Bagi menentukan tanggungjawab tersebut sentiasa terjamin terutamanya daripada ancaman daratan, maka Tentera Darat Malaysia (TDM) atau lebih sinonim dengan nama Tentera Darat (TD) sahaja sebagai salah satu cabang di dalam ATM perlu sentiasa berada dalam keadaan siap sedia sepanjang masa. Penubuhan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada tahun 1933 telah diwujudkan semua dan keperluan logistik yang diuruskan oleh kerajaan diutamakan⁴³. Selepas kemerdekaan negara pada tahun 1957 sistem pertahanan negara masih di bawah Kerajaan British pada tahun 1970 sehingga pengunduran tenteranya. Akibat daripada keputusan Kerajaan British mengundurkan bala tenteranya dari rantau ini, Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah tertentu menyusun semula Kementerian Pertahanan Malaysia ini (KEMENTAH). Oleh itu sebagai sebuah organisasi yang telah wujud sejak 76 tahun (1933 - 2009) yang lalu, ATM telah melalui pelbagai pembangunan baik dari segi pembangunan manusia, struktur organisasi malah dari segi peralatan dan kelengkapan pertahanan bersesuaian dengan konsep yang telah digariskan. ATM juga sentiasa peka dengan arus pembangunan dari segi peralatan dan teknologi semasa⁴⁴. Selepas tahun 1976, pembangunan infrastrukturnya telah berkembang dengan begitu pesat dalam membeli peralatan pertahanan baru dan membina bangunan-bangunan baru. Untuk mengurangkan beban JKR ketika itu, Angkatan Tentera Malaysia telah menujuhkan Jabatan Perumahan dan Pembinaan (JP&P) untuk membina dan menyelenggara bangunan baru dan lama. Bangunan-bangunan lama keseluruhannya adalah peninggalan kem-kem tentera British. Perkembangan ini menjadi lebih pesat pada 1980 apabila ATM melancarkan rancangan Perkembangan Istimewa Angkatan Tentera (PERISTA).

Ancaman Parti Komunis Malaya (PKM)

Menurut K.S Nathan (1984)⁴⁵, fenomena ancaman keselamatan di rantau AT telah mempengaruhi beberapa buah negara seperti Thailand dan Filipina untuk mengambil pendekatan menyertai kerjasama politik dan pertahanan yang dikenali sebagai *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) pada 6 September 1954 di Manila. Perjanjian ini juga dikenali sebagai *Manila Pact* dan berpusat di Bangkok. SEATO adalah organisasi yang disertai oleh Filipina, Thailand, Pakistan, Australia, New Zealand, Britain, Amerika Syarikat dan Perancis. SEATO berfungsi untuk memastikan keamanan dan keselamatan serantau. Selain itu, perjanjian ini turut bermatlamat untuk membendung perkembangan komunis serantau. Menurut beliau, penglibatan beberapa NAT dalam SEATO adalah didorong oleh ancaman komunis dan ancaman kuasa China serta bagi menjamin keselamatan negara masing-masing. Pergantungan Thailand terhadap bantuan dan sokongan Amerika dalam aspek keselamatan ini ternyata terserlah dengan penerimaan perletakkan angkatan tentera Amerika Syarikat di Thailand. Dalam persidangan kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Belgrade 1961, Thailand dan Filipina menjelaskan bahawa penyertaan mereka di dalam SEATO adalah bertujuan bagi melindungi keselamatan negara di samping mewujudkan hubungan yang baik dengan kuasa-kuasa besar. Menurut pendapat Chamil Wariya (1989) dalam *Pergolakan Antarabangsa: Perkembangan dan Isu Utama Sejak 1945*⁴⁶ berikutkan ancaman perkembangan komunis.

⁴³ Abdullah Than Abd Rahim (2006) Op.cit. hlm 33-56

⁴⁴ Mahathir Mohamad. (1991). Op.cit.hlm 1-23

⁴⁵K.S Nathan (1984). Op.cit.hlm132

⁴⁶ Chamil Wariya (1989). *Pergolakan Antarabangsa: Perkembangan dan Isu Utama Sejak 1945*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn Bhd.hlm 197

Dalam era 1960-1989 pula pihak kerajaan terpaksa memberikan fokus dalam menghadapi ancaman PKM yang mana kejayaan komunis Vietcong mengalahkan tentera AS dalam Perang Vietnam (1965-1975) dengan menggunakan taktik gerila telah menjadi keutamaan kepada ATM dan kerajaan dalam memastikan pemhapusan gerila dan pemberontakan komunis di Malaysia. Ancaman komunis turut membabitkan Sabah dan Sarawak dengan peranan Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) yang telah menubuhkan dua buah unit gerila komunis yang dikenali sebagai iaitu Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) telah memberikan tekanan kepada kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kestabilan politik negara. Bagi memastikan gerakan komunis di Sabah dan Sarawak dapat diatasi, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengadakan kerjasama dengan kerajaan Indonesia pada tahun 1972 dengan menubuhkan Jawatan kuasa Sempadan Am (GBC) yang menggabungkan kerjasama ATM dan TNI dalam membentuk gerakan komunis. Usaha kerajaan dan ATM ini telah membawa kejayaan yang mana pada Disember 1989 PKM telah bersetuju untuk mengadakan perjanjian damai dengan kerajaan Malaysia dan diikuti perjanjian damai yang ditandatangani oleh PARAKU pada 17 Oktober 1990⁴⁷. Perletakan senjata oleh PKM telah membolehkan proses pemodenan ATM dilaksanakan yang mana kerajaan mensasarkan untuk membentuk sebuah angkatan infantri yang kredibel dan *self contained* dengan memperkenalkan konsep *Batalion Infantri Standard* yang memfokuskan kemampuan dan bukannya kuantiti. Ini bermaksud, kerajaan menasarkan untuk membentuk sebuah pasukan yang kecil dengan mengurangkan daripada jumlah 100,000 orang kepada 85,000 orang dengan meningkatkan keupayaan kuasa tembakan dan kemampuan serta memiliki daya tempur yang tinggi⁴⁸.

Kemerdekaan Tanah Melayu yang dicapai pada tahun 1957 adalah ketika Tanah Melayu sedang menghadapi ancaman komunis dan ketika berada di bawah undang-undang darurat yang akhirnya mempengaruhi kerajaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman untuk memberikan fokus menghapuskan ancaman komunis PKM di Tanah Melayu. Pembangunan pertahanan Tanah Melayu adalah dibantu oleh British yang mana melalui perjanjian pertahanan AMDA, Tanah Melayu telah diberikan jaminan keselamatan sekiranya menghadapi ancaman. Usaha untuk membangun pertahanan Tanah Melayu semain berkembang pada tahun 1962 iaitu dua tahun selepas penarikan balik undang-undang darurat yang meracang untuk memperkembangkan peranan ATM bagi membantu pihak polis bagi menjaga dan memlihara keselamatan negara daripada ancaman keselamatan yang dikenali sebagai *Dynamo Plan*. Walau bagaimanapun perancangan ini telah gagal dilaksanakan dan dikritik oleh British kerana *Dynamo Plan* ini mebabitkan kos yang tinggi. Umumnya, pembangunan dasar pertahanan dan ATM ini dapatdilihat dalam empat fasa pembangunan yang masa dalam fasa pertama (1963-1968) selain menghadapi ancaman komunis, skop penugasan ATM telah berkembang yang bukan hanya membabitkan keselamatan Semenanjung Tanah Melayu sebaliknya ia turut membabitkan Sabah dan Sarawak berikutnya kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. ATM juga turut bertanggungjawab bagi menjaga keselamatan dan pertahanan kawasan perairan yang merangkumi perairan Selat Melaka, Laut China Selatan sehingga ke Andaman. Malah dalam fasa ini, dasar pertahanan negara juga semakin berkembang apabila tercetusnya konflik iaitu Konfrontasi Malaysia-Indonesia (1963-1965) yang mana ia telah memperlihatkan ancaman kekerasan ketenteraan Indonesia ke atas Malaysia. Ancaman dari luar sempadan negara ini telah mempengaruhi kepimpinan negara untuk mengusulkan penambahan budget dan membuat pembelian

⁴⁷ Nasibah Harun (2005). Batalion Standart Infantri. *Perajurit*. November. Hlm 4-5

⁴⁸ Nasibah Harun (2005). Batalion Standart Infantri. *Perajurit*. November. Hlm 5-7

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

kelengkapan pertahanan yang lebih baik dalam memastikan keberkesanan ATM melindungi keselamatan negara pada Disember 1964⁴⁹.

Pembangunan ATM Pesat Ketika Era Mahathir

Pada dekad 1990-an dan 2000, Malaysia telah mula mengambil langkah memodenkan angkatan bersenjata bagi menghadapi sebarang kemungkinan ancaman dari musuh. Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Razak pernah menegaskan usaha-usaha pemodenan ketenteraan Malaysia akan memfokuskan kepada mobiliti, keupayaan senjata (fire power), memperbanyak jumlah kapal perang dan mendapatkan sistem Airbone Warning and Control System (AWACS)⁵⁰. Kenyataan Menteri pertahanan (2008).

“Dengan tamatnya era pasca perang dingin, Malaysia telah mengubah hala tuju dasar perdagangan kepada sifat global dan tidak dikekangi oleh batasan ideologi. Pendirian terbuka ini memberi pilihan meluas kepada ATM untuk membuat pilihan terbaik daripada sudut mutu, kebolehan, keupayaan dan juga kecanggihan persenjataan bagi memperkasa kelengkapan perangnya. Pertimbangan daripada segi ekonomi seperti penjanaan perdagangan dua hala, pembelian atas dasar timbal-balas, pemindahan teknologi melalui program ‘off set’ dan pelbagai kegiatan yang boleh membantu mengukuhkan ekonomi negara juga menjadi teras pemilihan dalam perolehan peralatan. Program pemindahan teknologi dan ‘off set’ ini akan terus membantu industri pertahanan negara bagi mengimplementasikan strategi berdikari (self reliance). Keperluan ini juga adalah sejajar dengan dasar pertahanan negara yang mementingkan pembangunan keupayaan ATM untuk merealisasikan tugas utamanya iaitu menjaga dan mempertahankan kepentingan negara daripada ancaman luar. Semua perolehan ini adalah berkonsep setiap ringgit yang dibelanjakan sepenuhnya”⁵¹.

Jadual 1: Perbelanjaan Pembangunan Dan Pengurusan Pertahanan 1997-2002 RM Billion

Anggaran Pembangunan	Anggaran Pengurusan
1997 - 2.280	3.850
1998 - 2.010	3.740
1999 - 2.398	3.520
2000 - 2.120	3.919
2001 - 2.542	4.790
2002 - 2.530 (menurun 7.6%)	5.295 (meningkat 10.5%)

Sumber: Ministry of Defence Finance Division 2002.

⁴⁹ Chandra Jeshrun (1980) Dalam *Malaysia Defence Policy: A Study In Parliament Attitudes: 1963-1974*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm 11-17

⁵⁰ Temuramah ADJ dengan Datuk Sri Najib Tun Razak dalam *Asian Defence Journal*. Oktober 2003. hlm 16-23

⁵¹ Zuridan Muhammad (2008). Temubuak bersama YB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Tempur. Oktober

http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=78&Itemid=194

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Jadual 1 menunjukkan data Perbelanjaan Pembangunan dan Pengurusan Pertahanan dalam tahun 1997-2002. Data ini membuktikan peningkatan perbelanjaan pertahanan dalam aspek pembangunan ketika Tun Mahathir antara tempoh, 1997-2002. Daripada statistik tersebut peruntukan bagi Perbelanjaan Pembangunan (DE) mencatatkan peningkatan yang sangat sedikit dalam tempoh 1997 (RM2,289 bilion) hingga tahun 2002 (RM 2.530 bilion). Bagi Perbelanjaan Mengurus (OE) pernyataan itu terus meningkat kecuali bagi tahun 1998 dan 1999 di mana ia telah mengalami sedikit penurunan. Tahun 2002, OE telah menunjukkan peningkatan sebanyak 10.5% berbanding tahun sebelumnya.

Pembangunan ATM bagi setiap 5 tahun dapat dilihat mengikut Rancangan Malaysia. Antara tahun 1991-1995 kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah antara 6-7% yang telah meningkatkan pendapatan negara. Keadaan ekonomi Malaysia semakin baik dengan mencapai sehingga 7.5% pada tahun 1996 yang membolehkan peningkatan keluaran norminal Malaysia mencatatkan peningkatan daripada USD 42 billion kepada USD75 billion menjelang tahun 1996. Dalam Rancangan Malaysia ke Enam (RMK6) 1991-1995, Kementerian Pertahanan telah diperuntukan sebanyak RM 11 billion bagi tujuan Pengurusan dan Pembangunan ATM⁵². Walau bagaimanapun dari jumlah RM 11 bilion dalam RMK6, hanya USD3.6 billion diperuntukkan untuk tujuan pembangunan atau Perbelanjaan aset (DE) yang membolehkan ATM dapat membuat pelbagai pembelian aset logistik ATM yang moden dan canggih. Ini adalah selaras dengan perubahan RMA semasa antarabangsa dan perangan ATM yang berusaha dalam membentuk '*Rapid Deployment Force*' (RDF) iaitu sebuah pasukan yang memiliki berkupayaan tinggi dan menggalakan gabungan operasi bersama bagi tiga cabang perkhidmatan ATM⁵³. Peruntukan kerajaan dalam RMK6 telah membolehkan MINDEF dan ATM dapat membuat pembelian kelengkapan strategik logistik ATM yang seiring dengan perancangan memodenkan dasar pertahanan Malaysia. Semenjak tahun 1991, kerajaan telah membuat perancangan bagi menggantikan aset logistik ATM yang telah berusia 20-30 tahun. Perletakan senjata oleh PKM pada tahun 1989, telah membolehkan kerajaan menumpukan kepada pembangunan dan pemodenan ATM dengan aset yang berteknologi tinggi dan canggih⁵⁴.

Pembangunan dan pemodenan ATM dalam RMK7 telah membabitkan peruntukan kerajaan sebanyak RM 7 billion⁵⁵. Dalam usaha menjimatkan perbelanjaan pertahanan kerajaan dan ATM telah meneruskan perancangan mewujudkan konsep "Jointness" iaitu kebersamaan yang menggabungkan semua cabang perkhidmatan ATM dalam sesuatu operasi. Pihak kerajaan masih memberikan penumpuan kepada aspek perbelanjaan pembangunan khususnya bagi menggantikan aset yang usang dan berusia. Senario ini turut membabitkan negara serantau yang giat membangunkan ketenteraan masing-masing⁵⁶. Usaha pembangunan dan pemodenan ATM adalah terhad apabila peruntukan yang disediakan kepada kementerian yang mana

⁵² Wong Siaw Wei (2010). The Study Relationship Of Government Spending And Economic Growth In Malaysia: Evidence Based In Development Expenditure. *Tesis*. Universiti Malaysia Sarawak : Faculty of Economics and Business. hlm10

⁵³ Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. *Perajurit*. Oktober. hlm 2-5

⁵⁴ Sila lihat Singapura dan ASEAN kesinambungan pembangunan atau perlumbaan senjata? Op.cit. hlm 3-8

⁵⁵ Wong Siaw Wei (2010). Op.cit.hlm11

⁵⁶ Shankaran Nambiar (2009). Malaysia And the Global Crisis: Impact, Response, And Rebalancing Strategies. *ADBI Working Paper*. Bil. 148.hlm 1-27

kerajaan memberikan penumpuan pembangunan pada sektor lain seperti pendidikan, kesihatan, luar bandar dan sebagainya⁵⁷.

Namun, pelan perancangan pembangunan ATM dalam RMK7 telah menghadapi masalah apabila menghadapi krisis kewangan pada tahun 1997? Krisis kewangan pada tahun 1997 telah menyebabkan kerajaan mengurangkan 30-50% peruntukan pertahanan kepada ATM sehingga tahun 1999. Krisis kewangan Asia 1997 turut memberikan kesan kepada Malaysia yang menyebabkan Malaysia terpaksa mengurangkan latihan dan kerjasama ketenteraan serantau yang sebelum ini dijalankan secara tetap⁵⁸. Walau bagaimanapun perancangan ATM bagi tahun 1991-1997 yang telah dirancang telah diteruskan. Menjelang Disember 1997, kerajaan telah mengambil langkah mengurangkan peruntukan pertahanan kepada RM 83 juta ringgit atau 10% daripada peruntukan tahun 1997 berbanding tahun 1996 yang memperuntukan RM 6.0 bilion ringgit⁵⁹. Kerajaan turut mengambil langkah mengurangkan 8% peruntukan pertahanan pada tahun 1998 menjadi sebanyak RM 4.5 bilion berbanding RM 5.8 bilion pada tahun 1997⁶⁰.

Malaysia Tahun 1992-2011. Secara umumnya dari sudut KDNK, peningkatan ekonomi yang pesat telah membolehkan Malaysia memperuntukan perbelanjaan yang lebih besar kepada sektor pertahanan. Pada tahun 1992-1997, kerajaan memperuntukan antara 3% hingga 2.1% peruntukan kepada sektor pertahanan. Kegawatan ekonomi negara telah menyebabkan peruntukan perbelanjaan pertahanan telah menurun kepada 1.6% pada tahun 1998, 2.1% pada tahun 1999 dan 1.9% pada tahun 2000. Penurunan peruntukan pertahanan juga adalah berkait rapat dengan kedudukan KDNK negara seperti mana yang berlaku pada tahun 1998 yang menurun sehingga 1.9% sahaja daripada jumlah KDNK. Peruntukan pertahanan telah menampakkan peningkatan pasca krisis ekonomi 1997 dari sudut jumlah yang mencatat USD 3.1 bilion meningkat kepada USD 4.8 bilion pada tahun 2011. Namun dari sudut peratusan KDNK, peruntukan kewangan oleh kerajaan kepada sektor pertahanan telah mencatatkan penurunan 3% hingga 2.1% antara tahun 1992 hingga 1999. Dalam pasca krisis ekonomi 1997, peratusan telah menurun daripada 3% pada tahun 2003 kepada 1.6% pada tahun 2011.

Di bawah RMK8 (2001-2005) kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM8.75 bilion kepada Kementerian Pertahanan iaitu melebihi daripada peruntukan RMK7 yang hanya memperuntukan RM 7 bilion. Daripada RM 8.75 bilion sebanyak 35% diperuntukan bagi pembangunan infrastruktur dan kemudahan, manakala 65% bagi pembelian platform dan peralatan modal. Ini adalah peningkatan sebanyak 25 % berbanding dengan RM7 bilion yang diperuntukan dalam RMK7⁶¹. Penekanan utama adalah untuk mengukuhkan dan meningkatkan keupayaan angkatan tentera melalui latihan tenaga kerja dan penggunaan peralatan moden khususnya pembelian perkakas dan kelengkapan menggantikan stok lama dan pemodenan kemudahan latihan dan menaiktaraf kemudahan sedia ada. Malah Kementerian Pertahanan turut merancang untuk melakukan beberapa penswastaan perkhidmatan yang tidak kritikal khususnya penyenggaraan kelengkapan dan peralatan pertahanan yang disewa. Ia akan

⁵⁷ Temubual bersama YB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Menteri Pertahanan Malaysia, Pengukuhan ATM Sebagai Organisasi Pertahanan. *Tempur*. Julai. 2002. hlm 5

⁵⁸ Graeme Cheeseman (1999). Asia-Pacific Security Discourse in the Wake of the Asian Economic Crisis. *The Pacific Review*. Vol. 12. Bil. 3. hlm 339.

⁵⁹ Sheldon W. Simon (2000). Op.cit. hlm 16

⁶⁰ Ibid.hlm 6

⁶¹ Wong Siaw Wei (2010). Op.cit.hlm 11

membolehkan Kementerian Pertahanan dan ATM memfokuskan membina kekuatan dan latihan pertahanan yang dapat meningkatkan keupayaan⁶².

Faktor Idiosinkrasi Tun Mahathir Mempengaruhi Dasar Pertahanan Malaysia 1981-2003

Mahathir Mohamad berkhidmat sebagai Perdana Menteri Malaysia selama 22 tahun dari 1981 dan berundur pada 31 Oktober 2003. Bangsa Malaysia merasakan ianya satu kehilangan besar dan kegemilangan rekod politik dan pentadbirannya akan tersemadi dalam sejarah bangsa Malaysia. Oleh kerana prestasi yang baik, beliau sekali lagi diangkat sebagai pemimpin nombor satu negara semula sebagai Perdana Menteri ke – 7, Malaysia. Dr. Mahathir adalah seorang yang medernis, pragmatis dan strategis. Demi membawa pembangunan atau perubahan sosial kepada negara, gaya kepimpinan yang berkesan, komunikasi, dan keputusan membuat kuasa pemimpin adalah penting untuk memastikan para pengikut menerima gagasan pemimpin. Secara umum, terdapat banyak peranan yang diharapkan daripada beliau, antaranya beliau dijangka membimbing rakyat dengan menetapkan dirinya sebagai model peranan. Kepimpinan Mahathir terutama tertumpu untuk meningkatkan orang Melayu.

Di bawah pemerintahan Mahathir Mohamad, Malaysia sangat stabil dalam semua aspek, termasuk perspektif urusan politik. Apabila Mahathir Mohamad dipilih sebagai perdana menteri ke-4 banyak faktor telah menyumbang kepada kejayaan pembaharuan menyeluruh di Malaysia sejak tahun 1981. Tun Dr. Mahathir merupakan seorang pemikir, kreatif, penulis, dan ahli politik yang mempunyai mental yang aktif. Dari tahun 1981 hingga 2003 Mahathir Mohamad terus memperbaiki keadaan dan perkembangan negara sebagai perdana menteri, patriot, dan pemimpin. Di Malaysia, Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang mewakili masyarakat majoriti telah memperkenalkan pelbagai dasar, dan misi untuk negara dan sebagai negara tertinggi selama 22 tahun, beliau membawa banyak perkembangan di Malaysia. Tambahan pula Mahathir Mohamad sekali lagi telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2018, dianggap tulang belakang di dalam kemajuan negara yang luar biasa. Ciri-ciri kepimpinan Mahathir Mohammad dapat dilihat sebagai contoh terbaik pemimpin yang hebat kepada seluruh dunia. Rakyat Malaysia menyaksikan perubahan radikal yang luar biasa buat kali pertama dalam sejarah politik Malaysia. Di sini terdapat beberapa ciri kepimpinan para pemimpin hebat dan Perdana Menteri besar dunia ketika ia memimpin peralihan negara Malaysia ke era baru.

⁶² Maklumat rasmi ini turut dinyatakan dalam maklumat rasmi dari Menteri Pertahanan (2007). Y.B Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak, Menteri Pertahanan. Maklumat diperolehi daripada Perutusan Rasmi Menteri Pertahanan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak dalam laporan rasmi Laporan Tahunan 2007 Kementerian Pertahanan Malaysia. 2007. Lihat juga Sheldon W. Simon (2000). Op.cit. hlm 16



Ciri-Ciri Dan Perwatakan Tun Mahathir Mohamad

Kesimpulan

Kesimpulannya dari perbincangan, dapat menyimpulkan bahawa tiga faktor ini iaitu faktor luaran, faktor dalaman dan idiosinkrasi Tun Mahathir Mohamad telah mempengaruhi dasar pertahanan Malaysia. Dalam konteks pertahanan negara, kerajaan telah menetapkan bahawa objektif utama DPN adalah untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan Malaysia berteraskan kepada kedaulatan negara, keutuhan wilayah serta kesejahteraan ekonomi. Malaysia memulakan pemodenan tentera berskala besar dan peningkatan teknologi sejak dari awal 1990-an Ketika era Tun Mahathir 1981-2003. Ini menunjukkan bahawa semasa pentadbiran Tun Mahathir, Perdana Menteri Keempat Malaysia, pemodenan ATM dilaksanakan secara keseluruhan. Modernisasi pembangunan dan pertahanan ATM melengkapai pembangunan ATM di ketiga-tiga unit utama iaitu TUDM, TLDM dan TUDM. Pembangunan dan Pemodenan Pertahanan Malaysia di bawah Tun Mahathir 1981-2003 dapat dilihat dalam Dasar Pertahanan Negara Yang Mapan, Strategi Pertahanan, Lojistik Pertahanan, Sumber Pertahanan, Revolution Military Affairs (RMA) dan Kemajuan dalam Industri pertahanan. Semua ini penting agar dapat mencapai prinsip-prinsip pertahanan yang telah digariskan yang meliputi tiga perinsip utama iaitu Prinsip Pertahanan Berdikari, Prinsip Pertahanan Kerjasama Serantau dan Prinsip Pertahanan Bantuan Luar. Melalui pemodenan dan penyediaan kelengkapan pertahanan yang moden dan berteknologi tinggi, Tun Mahathir akan memastikan kestabilan dan keamanan serantau dalam menghadapi sebarang ancaman bagi membawa Malaysia ke mercu kegemilangan.

Penghargaan

Tidak ada daya dan kekuatanku melainkan dengan pertolongan dan kekuatan Allah SWT. Selawat serta salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W untuk segenap alam yang membawa kesejahteraan dan syafaat kepada mereka yang beriman.

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan hidayah-NYA dapat saya menyiapkan penulisan ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ibu ayah, suami, anak-anak dan sahabat. Mereka telah memberi seribu makna, kekuatan dan menjadi inspirasi kepada saya untuk menyiapkan penulisan ini. Terima kasih juga Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd kerana menerbitkan penulisan ini.

References

- Abdul Razak Baginda (1992). Five Power Defence Arrangement: Two Decades and Beyond. *Journal of Strategic Studies and International Relations*. Vol.1 (1). February.
- Albar, S. H. (2004). Malaysia's Foreign Relations: Issues and Challenges. *Malaysia In World Politics: The Challenge Ahead*.
- Ahmad Mahdzan Ayob. Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1997.
- Arnold Wolfers. 1952. 'National Security' as an ambiguous symbol. *Political Science Quarterly* 67(4 Dec)
- Ahmad Zahid Hamidi (2010). Asean Defence Industry Collaboration. Zulfaqar: *Jurnal Asia Pertahanan Dan Keselamatan*. Vol.1.Bil 1.
- Alan Collins (2000). *The security dilemma of Southeast Asia*. London. Macmillan.
- Alice D. Ba (2003). China and ASEAN: Renavigating Relations For A 21st Century Asia. *Asian Survey*, Vol. XLII. Bil 4.July–August.
- Allan Gyngell (1983). Looking Outwards: Asean's External Relations. Dalam Alison Broinowski (Edt). *Understanding Asean*. London:Macmillan Press Ltd.
- Alvin and Heidi Taoflier (1995). War And Anti-War: Survival At The Down Of 21st Century. New York: Warner Books.
- Amitav Acharya (1992). Regional Military-Security Cooperation in the Third World: A Conceptual Analysis of the Relevance and Limitations of ASEAN. *Journal of Peace Research*. Vol. 29. Bil 1
- Amitav Acharya (1993). A New Regional Order In South East Asia: ASEAN In The Post Cold War Era. *ADELPHI PAPER*. Bil. 279.
- Amitav Acharya (1993). Explaining Arms Build-Up In Southeast Asia. *Asian Defence Journal*. Januari:
- Amitav Acharya (2001). Constructing A Security Community In Southeast Asia: ASEAN And The Regional Order. London: Routledge.
- Analisa Pembentangan Kertas Putih Pertahanan Bahagian 1. *Airtimes*. 4 Disember 2019. <https://militaryasset.blogspot.com/2019/12/analisa-pembentangan-kertas-putih.html>
- Andrew Tan (2004). *Force Modernisation Trends In Southeast Asia*. Institute of Defence and Strategic Studies Singapore. Bil. 59. January.
- Andrew Tan T. H (1998). Singapore's Defence: Capabilities, Trends And Implication. *Contemporary Southeast Asia*. Vol.21. Bil. 3.
- Anggota Tentera Parah Trak Masuk Parit. *Harian Metro*. 16 Disember 2014 <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2014/12/16599/anggota-tentera-parah-trak-masuk-parit>
- Anthony Sampson (1977). The Arms Bazaar. *The Best Way To Prevent War*
- Ardyhansah Amat (2016). Dua Anggota Tentera Maut, 24 Cedera. *Harian Metro*. 13 Mac 2016 <https://www.hmetro.com.my/node/122472>
- ASEAN Pasaran Baru Senjata Dunia. *Berita Harian*. 17 Februari 1996.
- Aset Dan Teknologi Pertahanan Russia Untuk ATM. *Perajurit*. Mac 2001.
- ATM Beli Peluru Berpandu Laser. *Berita Minggu*. 31 Oktober 1993.

- ATM Perlengkap Peralatan Canggih. Berita Harian. 31 Disember 1997.
- Azman Abd Rashid (2004). Deterrence As Malaysian Armed Forces Strategy: An Analysis Of Its Capabilities. Tesis. Faculty Of Social Sciences And Humanities. University Kebangsaan Malaysia.
- Azman Abdul Razak (2009) Konsep Pertahanan Menyeluruh Di Malaysia: Cabaran Dan Masa Depan Angkatan Tentera. *Tesis*. Fakulti Sastera Dan Sains Sosial.Universiti
- Azman Abdul Razak (2009). Konsep Pertahanan Menyeluruh Di Malaysia: Cabaran Dan Masa Depan Angkatan Tentera Darat. *Tesis*. Fakulti Sastera Dan Sains Sosial Universiti Malaya.
- Azmi Hasan (2007). Senjata Strategik Bawah Laut. *Utusan Malaysia*. 29 Mac
- Azmi Hassan (2003). Doktrin Pertahanan Perlu Ambil Kira Strategi Tertentu. Berita Harian. 26 April 2003
- Azmi Hassan (2005b). Pemindahan Teknologi Sains Pertahanan: Sumbangan Dan Peranan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) & Institusi Penyelidikan Kerajaan. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC): Konferen Kebangsaan: Pertahanan Strategik&Keselamatan Serantau. 24-26 Mei 2005.
- Azmi Md Deros (2004). Super Hornet Pastikan Ruang Udara Lebih Selamat. *Berita Harian*. 15 Mei 2004
- Azmi Md Deros (2005). Strategi 2010+10 mantapkan keupayaan Tentera Darat. *Berita Harian*. 1 Mac 2005.
- Asian Defence Years Book 2000 - 2001, Syed Hussin Publications, Kuala Lumpur, 2001.
- Azman Abdul Razak.2009.Konsep Pertahanan Menyeluruh di Malaysia: Cabaran dan Masa Depan Angkatan Tentera Darat.
- Barry Buzan (1987). *An Introduction To Strategic Studies: Military Technology And International Relations*. London: Macmillan For The International Institute For Strategic Studies.
- B.Russet dan H.Starr (1995). *World politics: The Menu for Choice*. Australia: Allen & Unwin.
- Badrila Jamlus (1997) Hornet Tempa Sejarah Malaysia Di Asia Tenggara. Berita Harian. 4 Ogos 1997.
- Barry Buzan (1987). *An Introduction To Strategic Studies: Military Technology And International Relations*. London: Macmillan.
- Barry Buzan (1994). New Pattern Of Global Security In The Twenty-First Century. Dalam William Clinton Olson (Edt). *The Theory And Practice Of International Relations*. New Jersey: Prentice Hall.
- Barry Buzan (2000). *An Introduction To Strategic Studies: Military Technology And International Relations*. London: Macmillan for the International Institute for Strategic Studies.
- Barry Buzan (2001). *Pengenalan pengajian strategik: Teknologi ketenteraan dan hubungan antarabangsa*, Mahmud Embong dan Kamarulnizam Abdullah (Terj). Bangi: UKM.
- Baylis J. dan Wirtz J.J (2007). Introduction. Dalam John Baylis, James J Wirtz, Colin S. Gray dan Eliot Cohen (Edt). *Strategy In The Contemporary World, An Introduction To Strategic Studies*. Oxford: Oxford University Press.
- Beeson, M. (2016). Can ASEAN Cope With China. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*. Vol 35. Bil 1.
- Bersama Laksamana Datuk Abdul Aziz Haji Jaafar Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia. *Perajurit*. Mei. 2008.
- Bicara minda Laksamana Datuk Ilyas bin Haji Din. *Perajurit*. Jun 2006.

- Bilveer Singh (1993). ASEAN's Arms Procurement: Challenges Of The Security Dilemma In The Post Cold War Era. *Comparative Strategy*. Bil 12.
- Bilveer Singh. (1992). Singapore's Defence Policy in the Post-Cold War Era, Strategy. *Journal of Strategic Studies & International Relations*. Vol. 1 Bil. 2. July.
- Borchers, H. (2014). ASEAN's Environmental Challenges And Non-Traditional Security Cooperation: Towards A Regional Peacekeeping Force? *ASEAS – Austrian Journal of South-East Asian Studies*. Vol 7. Bil 1
- Burton, D.W. 1990. *The Political Economy of Foreign Policy in Southeast Asia*. London: The Macmillan Press.
- Clarenc L. Barnhart & Robert R. Barnhart. 1981. *World Book Dictionary*. Chicago: World Book-Childcraft International inc.
- Caroline Thomas (1992). Third World Security Dalam Roger Carey dan Trevor C. Salmon (Edt). *International Security In The Modern World*. New York: St Martin.
- Chamil Wariya (1989). *Pergolakan Antarabangsa: Perkembangan Dan Isu Utama Sejak 1945*. Kuala Lumpur:AMK Interaksi Sdn Bhd.
- Chandran Jeshurun (1975). The Growth Of The Malaysian Armed Forces 1963-1973: Some Foreign Press Reactions. *Occasional Paper*. No 25. Singapore.Institute of Southeast Asian Studies.
- Chandran Jeshurun (1980). *Malaysia Defence Policy: A Study In Parliament Attitudes: 1963-1974*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Chandran Jeshurun (1994). Malaysian Defence Policy Revisited: Modernization and Rationalization in the Post—Cold War Era *Southeast Asian Affairs*.
- Chandran Jeshurun. (1980). Malaysian defence policy: a study in parliamentary attitudes 1963-1973. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Chandran Jeshurun. (Edt). (1985). Government And Rebellions In Southeast Asia. Singapore. Institute of Southeast Asian Studies.
- Chandran Jeshrun, Malaysia Defence Policy – A Study In Parliamentary Attitudes 1963 – 1973, University Malaya, Kuala Lumpur , 1980.
- Chang Pao-Min. (1990). A New Scramble For The South China Sea Islands. *Contemporary Southeast Asia*. Vol.12 (1).
- Charles W. Kegley dan Eugene R. Wittkopf (1989). *World Politics:Trends And Transformation*. New York: St Martin.
- Che Md Noor (1995). The Military Dimensions of National Security. *STRATEGI*. Vol.3. Februari.
- Chin K.W (1983). *The Defense Of Malaysia And Singapore:The Transformation Of A Security System 1957-1971*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chin, K. W. (1991). The Five Power Defence Arrangement: Twenty Years After. *The Pacific Review*. Vol. 4.Bil. 3.
- Chris Smith (2001). Security-Sector Reform: Development Breakthrough Or Institutional Engineering? *Conflict, Security & Development*. Vol 1. Bil 1.2001.
- Christoper S. Parker (2002). New Weapons For Old Problems: Conventional Proliferation And Military Effectiveness In Developing States. *International Security*. Vol 23. No 4.
- Clarence L. Barnhart dan Robert R. Barnhart (1981). *World Book Dictionary*. Chicago: World Book – Childcraft International Inc.
- Clark, Wesley K. (2001). Waging Modern War: Bosnia, Kosovo and the Future of Combat. New York: Public Affairs
- Colin S. Gray (1971). The Arms Race Phenomenon. *World politics*. Vol. 14
- Colin S. Gray (1971). The Arms Race Phenomenon. *World Politics*. Vol 14.Hlm 40-41

- Couplin, W. (1980). *International Politics: An Introduction*. New Jersey: Prentice Hall Publications.
- Chamil Wariya (1989). *Pergolakan Antarabangsa: Perkembangan Dan Isu Utama Sejak 1945*. Kuala Lumpur: Amk Interaksi Sdn Bhd.
- David Jablonsky. 1994. *US Military doctrine and The Revolution in Military Affairs*. Parameters. US Army War College. Autum.
- Dantes, Edrnond. (1993). An In-Depth Look At The Asia-Pacific Air Forces And Future Procurement. *Asian Defence Journal*. Januari.
- Dasar Pertahanan Negara Tidak Berubah*. Berita Harian. 30 Mei 1997.
- Dasar Pertahanan Negara. *Perajurit*. Julai 2004.
- Dato' Seri Dr. Mahathir (1994). Perasmian Taraf Operasi Pasukan Aturgerak Cepat Angkatan Tentera Malaysia (PAC - ATM). Pulau Langkawi Kedah.
<http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=732>
- Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak (1993). Malaysian's Strategic Perceptions: Challenges Of The Post Cold War Era. *Malaysian International Affairs Forum*. MIAF Lectures Series No. 1.
- Dato Sri Mohd Najib Tun Razak, Menteri Pertahanan dalam Mohd Najib Tun Abdul Razak (1993). *Malaysia's Strategic Perceptions, Challenges Of The Post Cold Era*. Kuala Lumpur: Malaysian International Affairs Forum.
- Dato' Sri Abu Bakar Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (2009). Maklumat Diperolehi Daripada Teks Rasmi Ucapan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Program Bajet Mengurus 2009. Kementerian Pertahanan. 2009.
- Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak (2011). Tek Rasmi ucapan Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia Reinforcing National Defence & Security: A
- Dua Termasuk Sarjan TUDM Didakwa Hari Ini. *Utusan Malaysia*. 6 Januari. 2020. Maklumat diakses pada 11 Disember 2014
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0106&pub=Utusan_Malaysia&sec=Mahkamah&pg=ma_01.htm
- Dzirhan Mahadzir (2003). Malaysia's Defence Spending Big But Far From Clear. *Asia Pacific Defence Reporter*. Jun.
- Edmund Burke and James Medison. Dipetik dari M Amstutz (1995). *International Conflict and Cooperation: An Introduction To World politics*. Madison Brown & Benchmark
- Faridah Jaafar. 2007. Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Hans J. Morgenthau. 1948. Politics among nations: The struggle for power and peace. New York: Alfred Knopi.
- Hedley Bull, 'Society and anarchy in international politics: Anarchy, force, imperialism', 1973.
- Graham Evans and Jeffrey Neunham. 1998. *The Penguin Dictionary of International Relations*. England: Penguin Books Ltd
- John Van Maanen. 1979. Reclaiming Qualitative Methods for Organizations Research: A Preface, *Administrative Science Quarterly* 24. no. 4
- Johan Galtung .1980. *Transarmament And The Cold War: Peace Research And The Peace Movement*. Copenhagen: Christian Elgers.
- Julian Lider .1979. *On The Nature Of War*. United Kingdom: Saxon House Teakfield Ltd.
- Karminder Singh Dhillon.2009. Malaysian Foreign Policy in the Mahathir Era, 1981-2003: Dilemmas of Development. Singapore.

- Kamarulnizam Abdullah. 2012. *Keselamatan Nasional Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- K.J Holsti (1994). *International Politics: A Framework for Analysis*. London: Prentice Hall.
- K.S Balakrishnan (1999). China And The Philippines Imbroglio. *Asian Defence And Diplomacy*. Vol.6. Bil 6. June.
- K.S Balakrishnan (1999). China and The Philippines' Imbroglio. *Asian Defence and Diplomacy*. Vol.6 (6).June.
- K.S Balakrishnan (2002). US-Malaysia: Eye to Eye on Regional Security. *Asian Defence and Diplomacy*. Vol.9 Bil.10. Oktober.
- K.S Balakrishnan (2009). Malaysia's Defence Policy, Military Modernisation And National Security. Dalam Abdul Razak Baginda (Edt). *Malaysia's Defence & Security Since 1957*. Kuala Lumpur: Malaysia Strategic Research Centre.
- K.S Nathan (2008). Malaysia And International Security: Role, Commitments, Issues And Challenges. *Pembentangan Kertas Kerja. Engaging Malaysian Modernity 50 Years and Beyond*. The 6th International Malaysian Studies Conference. Kuching: Crowne Plaza Riverside Hotel.5-7 August.
- K.S Nathan (2008). Malaysia And International Security: Role, Commitments, Issues And Challenges. *Pembentangan Kertas Kerja. Engaging Malaysian Modernity 50 Years and Beyond*. The 6th International Malaysian Studies Conference. Kuching: Crowne Plaza Riverside Hotel.5-7 August.
- K.S. Nathan (1998). *Malaysia: Reinventing the Nation, in Asian Security Practice: Material and Ideational Influences*. California: Stanford University Press.
- Kamarusradzi Othman (2008). Pemodenan Dan Pembangunan Peperangan. Tesis. Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Kang Choi and Panitan Wattanayagorn (1997). Development Of Defence White Papers In The Asia-Pacific Region. Dalam Bates Gill Dan J. N. Mak (Edt). *Arms, Transparency Andsecurity In South-East Asia. SIPRI Research Report No. 13*. Oxford University Press.
- Karen Mingist (1999). *Essentials Of International Relations*. New York: W.W. Norton &Company.
- KD Hang Tuah F76 (EX HMS Mermaid). 25 Jun. 2015.
<https://militaryasset.blogspot.com/2015/06/kd-hang-tuah-f76-ex-hms-mermaid.html>
- KD Hang Tuah F76 (EX HMS Mermaid). 25 Jun. 2015.
<https://militaryasset.blogspot.com/2015/06/kd-hang-tuah-f76-ex-hms-mermaid.html>
- KD Lekir Successfully Modernised. *New Straits Times*. 5 November 2014.
<https://www.nst.com.my/news/2015/09/kd-lekir-successfully-modernised>.
- KD Perantau 'Banjir'. *Harian Metro*. 19 November 2014 <https://www.hmetro.com.my/node/10172>
- Kelengkapan Tentera Darat 2005-2006. *Perajurit*. Mac 2005.
- Kementerian Pertahanan Tubuh Lembaga Siasat Kemalangan Kereta Perisai. *Bernama*. 5 Julai 2014. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kementerian-pertahanan-tubuh-lembaga-siasat-kemalangan-kereta-perisai-39092>
- Kenneth Waltz (1979). *Theory Of International Politics*. Massachusetts:Adison-Wesley.
- Kereta Kebal Ringan. *Perajurit*. Disember 2001.
- Kertas Putih Pertahanan, Malaysia Yang Selamat, Berdaulat dan Makmur. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Kementerian Pertahanan. 2019.
- Kementerian Pertahanan Malaysia, Pertahanan Malaysia Ke Arah Berdikari, Warisan Advertising, Kuala Lumpur, 1996

- Ke Arah Pertahanan Yang Berdikari: Pertahanan Malaysia (*Towards Self Reliance: Malaysian Defense*). Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Khaw Guan Hoon (1977). *An Analysis Of China's Attitude Towards ASEAN 1967-1976*. Singapore: ISEAS. Singapore
- Kogila Balakrishnan (2010). Evaluating The Role Of Offsets In Creating A Sustainable Defence Industrial Base: The Case Of Malaysia. *The Journal of Defence and Security*. Vol. 1. Bil 1.
- Konfrantasi. *Tempur*. April 2003.
- Kormendi, R.C. dan Meguire, P.G. (1985). Macroeconomic Determinants of Growth: Cross-Country Evidence. *Journal of Monetary Economics*. Vol.16. Bil.2.
- K. Ramanathan. 2000. *Konsep Asas Politik*. Edisi Ketiga. Pulau Pinang: ALMS Digital Enterprise
- K. Ratnam. 1998. *Sejarah Kertas 940/2 Malaysia, Asia tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur*. Pustaka sarjana Sdn .Bhd: The Commercial Press
- K.S Nathan.(2008). Malaysia and international security:Role and commitments, issues and challenges. Pembentangan kertas kerja . The 6th Internatinal Malaysian Studies Conference. Kuching. Crown Plaza Riverside Hotel. 5-7 August.
- K. J. Holsti, ‘Power, capability and influence in international politics’, dalam Charles W. Kegley, Jr & Eugenc R. Wittkof (pnyt), *The global agenda: Issue and perspectives*, McGraw Hill Inc, London, 1991.
- Nordin Mohd Yusof and Abdul Razak Abdullah Baginda, Honour and Sacrifice : The Malaysian Armed Forces, Warisan Advertising Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1994.
- Makalah Penerangan.1975. Jabatan Penerangan Malaysia.
- M.V Naidu (1974). Alliance And Balance Of Power. New York:St Martin’s Press
- Mardiana Nordin dan Hasnah Husiin.2011. Pengajian Malaysia. Edisi Keempat.Oxford Fajar. Politics: The Second Generation. South East Asian Social Science Monograph, Oxford University Press, Singapore, 1991.
- Md.Zaki Md Zain (2005). Senario Masa Hadapan Persekitaran Pertahanan: Panduan Halatuju Pembangunan Pertahanan Negara (Future Scenario on Defense Environment: Guideline and Direction of National Defense Development). *Paper Presentation. Konferen Kebangsaan Pertahanan Strategik dan Keselamatan Serantau (PERKASA) (National Cenference on Strategic Defence and Regional Security)*. Putrajaya:Putra Konvensyen Antarabangsa.24-26 Mei.
- Merriam, Sharan B. 2009. Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation. San Francisco: Jossey Bass.
- Michael T. Klaire. *The next great Arm Race*. Foreign Affairs.Vol. 72. Bil. 3. 1993.
- Mohammed Ayoob (1995). *The Third World Security Predicament: State Making, Regional Conflict and The International System*. Boulder:Lynne Rienner.
- Mohd Noor Yazid (2000) *Politik Antarabangsa Asia Pasifik (The International Politics of Asia Pacific)*. Kuala Lumpur:Utusan Publications & Distributors.
- Muthiah Alagapa (1990). Malaysia:From The Commonwealth Umbrella to Self Reliance. In K.W Chin (ed). *Defence Spending in Southeast Asia*. Singapore:ISEAS
- Pertahanan Malaysia: Kearah Pertahanan Yang Berdikari. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.
- Pathmanathan. M. 1984. *Malaysia and World Affairs.The Mahadhir Impact on Foreign Policy*. Kuala Lumpur:Easview Production.Hlm 52.
- S. Jayasankaran.2002. *Malaysia call for arms*. Far Eastern Economic Review, 16 Mei 2002.
- Saravanamuttu, J. (1983). The Dilemma of Independence:Two Decades of Malaysia's Foreign Policy 1957-1977. Penang: University Science Malaysia.

Zulkairi Zainuddin (2005). ATM: Pertahankan Kedaulatan Bumi Bertuah. Perajurit. Disember.
Zakaria Haji Ahmad (1987). Asian-Pacific Security Into The Twenty-First Century: Political,
Economy and Social Trends. *Asian Defence Journal*. August.